

Jilid I
Bil. 42



Hari Selasa
12hb Februari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6169]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) [Ruangan 6211]

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [Ruangan 6256]

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 6285]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGG, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 12hb Februari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANBARANGAN SOROKAN
DIRAMPAS

1. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah nilai barangan sorokan yang telah dirampas dalam 8 bulan tahun ini (1990) dan berikan perbandingan dengan tahun 1989 dalam tempoh yang sama. Dari hasil rampasan itu, apakah barangan yang paling banyak sekali menjadi hasil rampasan dan barangan mana yang mempunyai nilai paling tinggi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah dijawab oleh Kementerian saya pada 21hb Januari, 1991, iaitu tahun ini dan saya tidak ada maklumat tambahan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ada berapa kriteria barangan-barangan boleh dirampas di bawah Akta yang sedia ada, dan adakah pengundi-pengundi pergi ke kedai runcit untuk membeli sebotol kerosene ataupun

segantang berasnya? Kalau tidak menyebut harganya, adakah barang-barang yang telah dibeli ini pun kena dirampas kerana tidak menyebut harga? Adakah benar atau tidak?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama itu, barangan-barangan yang tidak membayar cukai dan sebagainya boleh dirampas oleh Kerajaan ataupun Kementerian Kewangan ataupun Kastam.

Bagi bahagian kedua, bukan kuasa saya untuk menjawab oleh kerana itu terjatuh di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Lau Dak Kee: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengapa tidak masuk dalam Kementerianya? Saya terkejut.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham oleh kerana tidak faham soalan Ahli Yang Berhormat ini, kerana soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar ini adalah di bawah kuasa Kementerian Kewangan. Tetapi soalan tambahan yang ditanya itu bukan kuasa saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya rasa ini tidak berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Lau Dak Kee: Bukan kuasanya, mengapa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan Lau Dak Kee: Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menjawab. Saya pun tidak fahamlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, persoalan itu tidak ada berkaitan dengan soalan asal. Itulah alasannya.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sudah salah menjawab soalan ini oleh kerana ini ditujukan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dia kata ini bukan halnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Point of order ialah tadi dia kata soalan tambahan itu bukan dalam Kementeriannya tetapi dia berdiri untuk menjawab soalan ini. Dia patut buat keterangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat kata sudah membuat keputusan ini. Soalan kedua itu tidak ada berkaitan dengan soalan asal.

PERKHIDMATAN TELEFON DI LUAR BANDAR

2. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk memperluaskan

perkhidmatan telefon ke kawasan luar bandar seluruh negara ini, khususnya di negeri Sarawak dan Sabah.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad untuk memperluaskan perkhidmatan telefon di luar bandar ke seluruh negara adalah seperti berikut:

- (a) Syarikat Telekom Malaysia Berhad telah menyediakan peruntukan sebanyak \$1,390 juta bagi program telekomunikasi luar bandar untuk tahun 1991 hingga 1995 bagi seluruh negara
- (b) Daripada itu sebanyak \$100 juta adalah bagi negeri Sarawak dan \$220 juta bagi negeri Sabah.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar angka ini sudah berapa kali. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu wang \$100 juta yang diperuntukkan kepada negeri Sarawak itu bagaimana ia akan dibahagikan dan berapakah talian telefon akan diberi kepada luar bandar dan berapa besar dan di mana bahagian serta adakah semua dirancangan? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu time-frame di dalam berapa tahun tempoh projek ini akan dilaksanakan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dengan kos, harga yang saya sebutkan tadi, ini akan memperkemaskan struktur organisasi STM khususnya yang terlibat dengan program telekomunikasi luar bandar supaya perancangan dan pelaksanaan program telekomunikasi luar bandar berjalan dengan baik. Dalam hubungan ini, STM telah menubuhkan unit "pay-phone and rural service" di tiap-tiap kawasan. Di setiap-tiap pejabat tempatan, sebuah unit telefon awam telah ditubuhkan. STM juga mempunyai

rancangan untuk mengganti telefon awam luar bandar yang lama dengan peralatan baru bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Rancangan ini dijangka mengambil masa 3 tahun.

Sukacita saya menyebut juga bahawa matlamat perancangan telekomunikasi luar bandar ialah supaya pada akhir tahun 1995 semua kampung mempunyai sekurang-kurangnya sebuah telefon awam; berusaha memperolehi teknologi serta kaedah-kaedah yang canggih dan moden bagi meningkatkan mutu perkhidmatan serta perkhidmatan disampaikan ke kawasan-kawasan yang terpencil; dan berhubung rapat dengan pihak tempat seperti Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen dan Pejabat Kerajaan Negeri bagi mengenalpasti keperluan penduduk luar bandar.

Dr Nawawi bin Mat Awin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan kepada Dewan ini nisbah telefon mengikut penduduk di luar bandar dan bandingannya dengan seluruh negara dan bandingannya dengan negara-negara di rantau ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab dengan jelas tadi apakah peruntukan akan ditetapkan oleh Telekom Malaysia. Ini bererti dalam \$1,325 juta, kita akan membelanjakan \$300 juta sahaja kepada dua negeri di Sabah dan Sarawak, selain daripada itu ialah di Semenanjung. Ini akan memberi lebih peluang kepada penduduk-penduduk di luar bandar untuk mengadakan infrastruktur. Melalui infrastruktur itu mereka boleh juga mendapat sambungan telefon di tiap-tiap kawasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Taimin bin Lumaing.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Taimin bin Lumaing tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan tidak hadir)

VISA UMRAH MENUNAIKAN FARDU HAJI

6. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dalam musim haji yang lalu Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu telah diberitakan pernah berkata bahawa pihaknya akan menahan mereka yang berada di Mekah untuk menunaikan haji dengan visa umrah dan menyerahkan kepada pihak Saudi. Sila jelaskan perkara tersebut;
- (b) berapa orangkah yang telah ditahan dan diserahkan kepada polis Saudi; dan
- (c) jika kenyataan itu mencerminkan dasar Kerajaan, sila nyatakan adakah ia satu kerjasama dua hala atau Kerajaan hendak menjadi polis pula kepada Saudi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah berkata pihaknya akan menahan

mereka yang berada di Mekah untuk menunaikan fardu haji dengan menggunakan visa umrah adalah tidak benar.

Sejumlah 87 orang rakyat Malaysia yang menggunakan visa umrah yang terus tinggal di Tanah Suci selepas tempoh visa umrah mereka itu luput telah ditahan oleh Pihak Berkuasa Arab Saudi dan dihantar pulang.

Tindakan menghantar balik mereka yang terus tinggal di Arab Saudi setelah tempoh visa umrah mereka itu luput adalah tindakan Kerajaan tuan rumah iaitu Arab Saudi dan bukannya dasar Kerajaan Malaysia yang tidak mempunyai hak mencampurtangan dalam urusan hal ehwal dalam negerinya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana menjadi kelaziman kepada para jemaah haji mereka pergi awal biasanya di bulan Ramadhan dan pada masa itu visa haji tidak dikeluarkan dan mereka ingin mengambil kesempatan untuk menunaikan umrah di bulan yang mulia itu. Menjadi satu kesulitan kepada mereka untuk pulang ke Malaysia dan terpaksa mengeluarkan belanja yang besar pula untuk menunaikan haji pada tahun itu. Menjadi kelaziman ataupun adat di zaman Almarhum Raja Faisal dahulu memberi kebenaran ataupun memberi kemudahan kepada jemaah haji yang seperti ini dengan tidak mengambil apa-apa tindakan.

Soalan yang pertama, adakah pihak Kerajaan Malaysia berusaha supaya cara yang pertama yang pernah dilakukan itu supaya diamalkan semula oleh Kerajaan Arab Saudi untuk memberi kemudahan kepada jemaah haji yang ingin mengambil kesempatan beribadat di bulan Ramadhan?

Soalan yang kedua, adakah Kerajaan Malaysia di atas sifatnya yang perlu memberi pertolongan kepada rakyat di mana sahaja rakyat itu berada di luar

negeri, memberi pertolongan kepada rakyat yang menghadapi masalah termasuk masalah mereka ditahan di Arab Saudi?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Marang bahawa asal mereka pergi ke Mekah ialah untuk menunaikan umrah, jadi visa umrah diberikan. Tetapi jikalau mereka berhajat untuk mengerjakan haji bahawa jemaah-jemaah tersebut seelok-eloknya sebelum berangkat dari Malaysia ini berhubung dengan Tabung Haji ataupun pihak Kerajaan ataupun dengan Kedutaan Arab Saudi untuk mengemukakan masalah mereka yang hendak membuat visa umrah dengan visa haji. Oleh kerana visa haji ini dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi, saya tidak dapat memberi jaminan kepada Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa dapat atau tidak jikalau kedua-dua visa dikeluarkan sekali gus.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, bahawa kita terpaksa mematuhi undang-undang yang sedia ada di negara Arab Saudi dan kita boleh membuat rayuan bagi pihak rakyat Malaysia yang visa umrah mereka sudah luput. Tetapi kita mesti mematuhi kepada undang-undang yang sedia ada di Arab Saudi. Dengan itu susahlah kita hendak memberi jaminan kepada jemaah-jemaah yang menunaikan umrah dengan visa umrah untuk ditukarkan kepada visa haji.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah nasihat dan pandangan Yang Berhormat Menteri terhadap jemaah-jemaah haji dan orang yang ingin berumrah pada tahun ini menjelang peperangan yang berlaku di Timur Tengah itu? Saya ingin ulang kembali soalan itu kemungkinan kurang jelas. Apakah nasihat Yang Berhormat Menteri, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri, apakah sikap Yang Berhormat Menteri terhadap jemaah haji

dan orang yang ingin berumrah pada tahun ini ke Mekah?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, untuk menunaikan fardu haji, ada soalan selepas ini. Untuk mereka yang ingin menunaikan umrah, itu pada hemat saya terpulang kepada perseorangan itu membuat keputusan. Oleh kerana sekarang ini peperangan Teluk sedang berjalan dan saya tidak berani menjamin keselamatan mereka apabila mereka menunaikan umrah tetapi pada pengetahuan saya bahawa Kerajaan Arab Saudi mengeluarkan visa umrah setakat ini.

DASAR PANDANG KE TIMUR

7. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan apa sudah jadi dengan dasar-dasar berikut:

- (a) Pandang ke Timur;
- (b) Jangan Beli Barang British (Buy British Last);
- (c) Penerapan Nilai-nilai Islam; dan
- (d) Kepimpinan Melalui Teladan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar Pandang ke Timur, Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran dan Kepimpinan Melalui Teladan adalah di antara beberapa dasar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk menanam serta memupuk nilai-nilai murni dan semangat kerja yang positif. Usaha membangunkan sikap dan memupuk budaya kerja yang cemerlang ini adalah merupakan usaha yang berterusan dan tidak akan berkesudahan.

Oleh itu di samping usaha-usaha dan program-program yang telah dijalankan selama ini, pihak Kerajaan dari semasa ke semasa akan terus mempergiatkan usaha-usaha ke arah meningkatkan

kualiti pengeluaran dan perkhidmatan iaitu selaras dengan hasrat dan matlamat dasar yang telah diperkenalkan itu.

Sebagaimana sedia maklum baru-baru ini Kerajaan telah pun melancarkan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang. Gerakan ini menunjukkan komitmen dan usaha Kerajaan yang bersungguh-sungguh serta berterusan dalam meningkatkan semangat dan budaya kerja yang positif di kalangan para pekerja sama ada di sektor awam mahupun di sektor swasta. Usaha yang bersungguh-sungguh sedang giat dijalankan sekarang bagi memberi kesedaran dan kefahaman tentang nilai dan kualiti serta bagaimana perkhidmatan berkualiti dapat dihasilkan.

Sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa usaha-usaha seperti ini iaitu selaras dengan matlamat dasar-dasar yang telah diperkenalkan itu akan terus dipertingkatkan terutamanya dalam usaha Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat serta meningkatkan daya saing barangan keluaran negara ini di pasaran antarabangsa. Mengenai dasar jangan beli barangan British, ianya telah tidak diamalkan lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian yang berkenaan mengenai apa yang disebut dari (a) sampai ke (d) dan (a) dengan (b) itu saya rasa sudah tidak berlaku. Cuma saya ingin mendapat penjelasan mengenai (c) dan (d). Untuk siapakah hasrat Kerajaan dalam usaha Penerapan Nilai-nilai Islam dan juga Kepimpinan Melalui Teladan?

Apakah matlamat dan hasrat ini untuk orang bawahan ataupun rakyat ataupun untuk pimpinan dari pihak Kerajaan sendiri dan siapakah yang lebih utama antara dua golongan ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tujukan kepada penerapan nilai-nilai Islam apakah seorang Wakil Rakyat ataupun Menteri dan Timbalan Menteri perempuan yang mendedah aurat termasuk dalam usaha penerapan nilai-nilai Islam ataupun bagaimana? Yang mendedah aurat, yang tidak bertelekung dan menutup aurat. Apakah ini satu usaha daripada kepimpinan yang membawa masyarakat ke arah nilai-nilai Islam atau sebagainya dan itukah yang dimaksudkan kepimpinan melalui teladan. Kalau tidak, bagaimana gambaran sebenar dari kepimpinan Kerajaan sendiri?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi telah jelas tentang perkara penerapan nilai-nilai Islam dan Kepimpinan Melalui Teladan. Ianya telahpun dijalankan oleh Kerajaan untuk semua peringkat di dalam urusan pentadbiran Kerajaan.

Dalam penerapan nilai-nilai Islam yang telahpun dijelaskan berkali-kali di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan telahpun mengkaji, memilih dan juga menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam urusan pentadbiran Kerajaan bagi menghindarkan misalnya pencegahan rasuah, menyebabkan kerajinan bekerja, datang bekerja mengikut waktu, dapat menggunakan waktu sepenuhnya untuk melayani segala permohonan rakyat dalam negara kita ini berasaskan, berteraskan kepada nilai-nilai murni dalam agama Islam.

Yang keduanya soal Kepimpinan Melalui Teladan, sudah pastilah ianya meliputi semua peringkat daripada Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri—semuanya.

Berterusan kepada soalan yang kedua, soal penerapan nilai-nilai Islam untuk siapa dan gambarannya, saya berpendapat bahawa Ahli Yang Berhormat itu yang lebih faham bahawa soal hukum sudah jelas. Soal hukum dan soal nilai, kalau boleh kita perbincangkan di sini

perbezaannya adalah jelas, hukumnya jelas bahawa menutup aurat adalah wajib. Semuanya tahu tentang nilai. Yang dibincangkan di sini ialah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan urusan Kerajaan yang dijalankan. Jadi, soal hukum saya mengatakan bahawa menutup aurat adalah satu perkara yang wajib bagi orang Islam yang telahpun kita ketahui. Semua Ahli Yang Berhormat pun tahu, jadi ini adalah soal peribadi bagi sesiapa sahaja. Sesiapa yang telah mengetahui hukum menjalankan hukum, itu terpulangkan kepada individu itu sendiri.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada soalan (c), adakah penerapan nilai-nilai Islam itu sampai ke peringkat pelaksanaan hukum-hukum Islam dan syariatnya secara menyeluruh dan mendaulatkan syariatnya ataupun berdasarkan kepada nilai-nilai sejagat yang menerima sebahagian daripada hukum dan menolak sebahagian yang lain?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah menolak hukum. Kita tidak pernah mengatakan kita menolak hukum. Bahkan kita menjalankan hukum. Saya telah menjelaskan tadi bahawa penerapan nilai-nilai Islam dalam urusan Kerajaan, misalnya kita memberi penjelasan kepada kakitangan Kerajaan menerima rasuah itu adalah tidak baik, haram, berdosa. Ini kita terangkan melalui kursus-kursus, ceramah-ceramah hujung minggu yang akan dijalankan oleh pegawai-pegawai agama yang dijemput khas. Dan juga telah saya jelaskan tadi bagaimana kita bekerja dengan sifat dan kejujuran yang penuh, dengan kita melayani semua permohonan dan mempercepatkan insya Allah kalau boleh saya sebutkan.

Dalam soal ini saya hendak menafikan bahawa kita tidak pernah menyebutkan Kerajaan hendak menolak

setengah hukum dan hendak mengambil setengah hukum yang lain. Kita menafikan bahawa kita, Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah sama sekali menyebutkan, kita mengamalkan, setengah sembahyang empat rakaat, hendak buat dua rakaat—Qasar bolehlah. Tetapi kita tidak pernah berbuat begitu. Jadi soalnya sekarang kita menjalankan. Insya Allah kalau dengan bantuan dan pertolongan Ahli-ahli Dewan ini memberi panduan yang baik, Kerajaan akan menerimanya bila-bila masa untuk mempertingkatkan lagi usaha penerapan nilai-nilai Islam dan juga Kepimpinan Melalui Teladan dengan pandangan-pandangan yang positif yang boleh dijalankan oleh Kerajaan.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, kita minta penjelasan tentang (a) dan (b). Tentang dasar Pandang ke Timur, kalau menurut Dasar Pandang Ke Timur kita nampak dalam jangka masa perkembangan Korea Selatan itu adalah masa Kerajaan negara itu menggalakkan dan memberikan berbagai dorongan kepada profesional dan orang-orang iktisad negara itu di luar negeri supaya mereka sanggup pulang ke tanahair untuk memberi sumbangan kepada negara itu. Adakah Kerajaan BN bersedia berbuat demikian, ataupun Kerajaan BN akan meneruskan sikap negatif dan tidak konstruktif?

Tentang (b), semasa kempen “Buy British Last” dijalankan adakah betul satu kontrak yang sulit dijalankan dengan Syarikat British Alcom untuk membina bumbung masjid di Shah Alam. Dan satu lagi aspek kempen “Buy British Last” itu, yang amat aneh ialah cara bagaimana kempen itu dipusingkan kepada “Buy British First”. Kita lihat pada masa ini kontrak-kontrak yang besar sekali seperti kontrak bekalan air diberikan Biwater, kontrak membeli senjata-senjata berbilion-bilion ringgit dibeli daripada syarikat-syarikat British.

Soalan saya, adakah benar berpusingan dasar ini ada kaitan dengan kes BMF. Kerana dalam permohonan

habeas corpus Lorrain Osman di Britain tidak lama dahulu, Counsel beliau mengatakan ada dokumen-dokumen yang boleh menjejaskan perhubungan antara Kerajaan Malaysia dengan Britain. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jelaskan?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, sukalah saya menjelaskan bahawa kita membuat Dasar Pandang ke Timur ialah kita hendak melihat kerajinan bagaimana orang Jepun bekerja, kerajinan bagaimana orang Korea bekerja, nilai kerja, nilai masa dan mutu kerja. Jadi tidak bersangkutan-paut dengan hendak panggil balik yang telah keluar dari negara kita. Dia tidak sayang negara kita, dia duduk di negara luar. Kita tidak akan menjemput balik. Kalau dia balik, dianya akan diproses oleh Kerajaan melalui urusan-urusan Kerajaan seperti biasa terhadap warganegara yang lain, walaupun setinggi mana tingkat profesionalismanya itu.

Yang keduanya, saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa sebarang kontrak Kerajaan tidak pernah di“sulit”, tidak pernah dikategorikan sebagai “sulit”. Semuanya akan melalui proses biasa, melalui tender ataupun melalui Kementerian Kewangan yang berkaitan. Tidak ada kontrak sulit dalam Kerajaan.

Yang ketiganya, tentang “Buy British Last”. Saya telah menyebutkan tadi bahawa dasar ini telah tidak diamalkan. Kalau tidak diamalkan bermakna kita telahpun membatalkan perkara itu, tidak diamalkan. Dengan sebab itulah kita berhubung dengan Kerajaan British untuk mendapatkan bekalan barang-barang ataupun apa sahaja yang diperlukan dan tidak ada kaitan dengan BMF. Ahli Yang Berhormat ini kalau seronok sangat BMF, tolong tanya Ketua Pembangkang. Kita berdebat tiga jam tahun 1985 dan 1986. Jadi kalau tidak tahu soal BMF saya dengan Ketua Pembangkang, boleh kita semukakan.

Jadi tidak ada kaitan dengan BMF berkaitan dengan Buy British Last, sama ada kita hendak pusing atau tidak pusing, soalnya tidak timbul.

PROJEK HIDRO PERGAU, KELANTAN—PEMBINAAN

8. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa pihak yang telah mengemukakan tawaran sebut-harga untuk projek pembinaan Empangan Pergau, Gua Musang, Kelantan Darul Naim dan nyatakan nilai-nilai tawaran masing-masing;
- (b) pihak manakah yang berjaya mendapatkan tender pembinaan projek tersebut dan apakah kriteria pemilihannya; dan
- (c) bagaimanakah cara pembayaran projek tersebut dibuat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab,

- (a) Kerajaan telah memutuskan supaya projek hidro Pergau di Negeri Kelantan Darul Naim dirunding secara terus dengan sebuah syarikat British yang bergabung dengan syarikat bumiputera tempatan. Gabungan syarikat itu ialah Kerjaya Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. Harga kontrak asas ialah \$1,345 juta dan Kerajaan British akan memberi bantuan grant kira-kira 35% daripada kos projek berjumlah \$362 juta. Oleh itu jumlah kos sebenar setelah ditolak bantuan grant ialah \$983 juta. Di samping itu Kerajaan British juga telah menawarkan pinjaman mudah dengan kadar bunga yang rendah iaitu di antara 1.16% hingga 4.64% setahun bagi keseluruhan baki pinjaman kos projek.

(b) Surat tawaran yang dikeluarkan pada pertengahan bulan Januari, 1991. Kriteria yang diambil kira dalam pemilihan ialah index daya tanding ekonomi projek, punca dan sumbangan pinjaman wang asing dan faedah sampingan yang lain.

(c) Mengikut rundingan, Kerajaan British akan membiayai semua kos wang asing yang dianggarkan 70% daripada harga kontrak. Pembiayaan projek akan berbentuk sama ada satu skim terdiri daripada bantuan geran, pinjaman, bunga rendah dan piutang membeli atau satu pinjaman bunga rendah seratus-peratus soft-loan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya adakah benar bahawa pihak Kerajaan ada menerima komplek-komplek mengenai penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam perkara pemberian projek Hidro Pergau ini dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah tindakan yang telah diambil dan kedudukan yang sebenarnya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan-tuduhan telah dibangkitkan di Parlimen Britain pada masa saya berada di negeri Britain itu iaitu beberapa soalan telah dibangkitkan di dalam Parlimen yang mana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menjawab apa-apa soalan yang berkaitan dengan projek hidro tidak ada kebenarannya. Itulah masalah yang telah dibangkitkan di British Parliament pada masa itu dan saya ada jawapan berkenaan di dalam tangan saya.

Saya juga telah mendapat lebih banyak laporan daripada Duta Besar kita ke Britain.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang dinyatakan oleh

Yang Berhormat Menteri tadi bahawa projek ini dibuat secara rundingan. Soalan saya ialah mengapakah tidak dibuat secara tender terbuka? Apakah tidak ada kontraktor-kontraktor tempatan yang mampu untuk melaksanakan projek ini atau ada undang di sebalik batu?

Seterusnya apakah kepentingan ataupun hubungan antara syarikat yang diberikan tender itu dengan Kerajaan British dan apakah implikasinya ke atas negara kita dari segi ekonomi?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan soalan beliau. Kerajaan telah memulakan kajian projek ini pada tahun 1984 dan juruperunding Snowy Mountain, Australia telah dilantik untuk membuat kajian. Mereka telah mengesyorkan projek Pergau dengan terowong, dengan izin, aqueduct sepanjang 26 kilometer melalui kawasan pinggir tanah yang berbatu dan keras. Projek Pergau diperlukan untuk membekal peaking power berjumlah 600 megawatt. Kos asal yang dijangkakan pada tahun 1984 ialah kira-kira \$650 juta hingga \$800 juta dengan dua terowong, dengan izin, aqueduct yang kecil.

Kerajaan telah mengesyorkan kos projek berjumlah \$1,345 juta dengan \$362 juta bantuan geran menjadikan kos sebenar iaitu \$983 juta. Kerajaan tidak perlu membayar "consultation fee" kerana ia dilaksanakan secara turnkey. Tenaga Nasional Berhad juga telah memohon kerja tambahan berjumlah \$100 juta. Anggaran harga kos projek yang meningkat daripada \$800 juta pada tahun 1984 kepada \$983 juta pada tahun 1991 iaitu pada bulan Januari, adalah munasabah berdasarkan kadar pertukaran wang asing dan kenaikan inflasi. Kerajaan bersetuju melaksanakan secara runding-terus kerana tender terbuka mengambil masa yang lebih panjang, perlukan kajian yang

mendalam dan kos juruperunding yang tinggi dan harga projek yang mahal dari harga pasaran. Oleh itu pelaksanaan secara turnkey dapat mengelakkan kos tinggi, harga kos sebenar dapat dikurangkan dan risiko projek ditanggung oleh kontraktor.

TAMBANG KAPALTERBANG BAKAL HAJI—KENAIKAN

9. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan menaikkan tambang kapal terbang kepada bakal-bakal Haji bagi menunaikan Haji di musim Haji akan datang disebabkan krisis Teluk kerana penaklukan Iraq ke atas Kuwait; dan
- (b) adakah pendaftaran bakal-bakal Haji untuk menunaikan Haji di musim Haji akan datang berkurangan dan sekarang berapakah jumlah bakal Haji yang telah mendaftarkan diri untuk menunaikan Haji. Berapa ramai yang dijangka jumlah bakal-bakal Haji akan menunaikan Haji di musim Haji akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), Tabung Haji telahpun mengadakan perbincangan dengan pihak Penerbangan Malaysia pada 8hb Februari, 1991 untuk membincangkan tentang cadangan Penerbangan Malaysia untuk menaikkan tambang penerbangan charter Haji.

Disebabkan peperangan Teluk kadar tambang kapal terbang ke Tanah Suci mungkin dinaikkan pada tahun ini. Faktor-faktor yang menyebabkannya adalah seperti berikut:

- (1) Bekalan dan harga bahanapi untuk kegunaan kapal terbang: Pada masa ini disebabkan termusnahnya loji-loji penapisan

minyak di Iraq dan Kuwait tiada lagi bekalan bahanapi untuk pesawat di kawasan Teluk dan kini bahanapi itu terpaksa diimport dari luar. Dengan yang demikian, harga bahanapi itu telah naik berlipat-ganda dari biasa.

- (2) Laluan penerbangan: Laluan penerbangan biasa dari rantau ini ke Jeddah hanya boleh digunakan tertakluk kepada keperluan tentera atau subject to military needs, dengan izin, yang bermakna laluan biasa itu tidak boleh digunakan bagi penerbangan Haji. Dengan yang demikian, kemungkinan besar penerbangan Haji tahun ini dibuat melalui Pulau Seychelles.
- (3) Kos Insuran Penumpang: Insurans penumpang wajib dibayar bagi semua penerbangan ke kawasan perang dan kos yang telah ditetapkan oleh penerbangan Malaysia iaitu US\$20 seorang bersamaan M\$54.00.

Pada masa ini, harga bahanapi untuk kapalterbang dan laluan penerbangan belum dapat dipastikan lagi dan dengan yang demikian, kadar kenaikan tambang kapalterbang untuk bakal-bakal Haji tahun ini belum dapat ditetapkan lagi dan, insya Allah, dalam bulan Mac tahun ini.

Bagi menjawab soalan (b), pendaftaran bakal-bakal Haji untuk menunaikan fardu Haji sehingga 11hb Februari, 1991 berkurangan 10% berbanding dengan pendaftaran pada masa yang sama tahun lalu. Jumlah mereka yang telah mengambil borang pendaftaran sehingga kini adalah seramai 30,379 orang berbanding dengan 33,771 orang tahun lalu. Lebih kurang 30,000 dijangka akan menunaikan haji di musim Haji akan datang.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menga-

takan bahawa kemungkinan tambang kapal terbang Haji pada tahun ini akan dinaikkan oleh sebab Perang Teluk. Sebagaimana yang kita tahu bahawa Sistem Penerbangan Malaysia membuat banyak keuntungan, begitu juga dengan Tabung Haji. Dalam keadaan darurat seperti ini, apakah Tabung Haji dan MAS tidak bercadang untuk memberikan subsidi kepada bakal-bakal Haji yang ingin menunaikan fardu Haji pada tahun ini, untuk mengekalkan tambang kapal terbang Haji itu di paras yang lama?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, untuk Tabung Haji, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Tabung Haji tidak mendapat keuntungan daripada khidmat kepada bakal-bakal Haji. Semuanya ialah dari segi cost of charge dan dari segi kos pihak Penerbangan MAS itu saya tidak dapat memberi komen oleh kerana saya tidak pasti cara-cara mereka membuat kostingnya. Tetapi itulah sebab dalam jawapan saya yang asal itu, saya menggunakan perkataan "mungkin dinaikkan." Ini belum selesai lagi. Mengenai soalan dari Yang Berhormat dari Tumpat sama ada jemaah Haji akan menunaikan fardu Haji pada tahun ini, setakat ini saya telahpun mengarahkan Tabung Haji untuk membuat satu Cabinet Paper yang akan dikemukakan kepada Kerajaan akhir bulan Februari ini ataupun awal bulan Mac supaya kita dapat menentukan adakah rakyat Malaysia pada tahun ini akan dapat menunaikan fardu haji memandangkan Peperangan Teluk yang sedang berlaku setakat ini.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan bahawa kadar insurans ke atas penumpang akan dinaikkan kepada US\$20. Saya ingin tahu sama ada insurans yang ditengah oleh pihak Tabung Haji ini memberi perlindungan kepada jemaah-jemaah Haji di dalam

masa keadaan peperangan jika sekiranya peperangan Teluk ini berlarutan sehingga masa musim haji dan jika insurans ini memberi perlindungan, apakah faedah-faedah yang dapat diperolehi oleh penumpang-penumpang apabila berlakunya kematian akibat peperangan?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengalaman kita di masa tragedi Terowong *Muassem* berlaku, kita menghadapi berbagai-bagai masalah untuk mengenalpasti atau mengecam mangsa-mangsa yang terlibat sehingga memakan masa berbulan-bulan. Begitu juga dari segi tuntutan waris-waris mangsa-mangsa tersebut, juga memakan masa yang begitu panjang. Saya ingin tahu dari segi pengalaman kita, apakah prosedur-prosedur baru Tabung Haji untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi di masa yang lalu?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan pertama, insurans yang saya sebutkan tadi ialah insurans yang dikenakan kepada syarikat penerbangan. Saya beri satu contoh, setakat ini hanya SAUDIA membuat penerbangan daripada Singapura ke Jeddah dan tambangnya ialah S\$5,227 (dollar Singapura). Ini termasuk bayaran insurans oleh kerana kapalterbang tersebut terpaksa menggunakan lalu-lintas Teluk yang sedang berperang dan mereka mengecaj sebanyak, kalau tak silap saya, US\$200 seorang passenger dan kita hanya bercadang mengcaj 10% daripada itu iaitu US\$20 sahaja. Pada hemat saya, soalan Yang Berhormat ialah berkenaan dengan personal accident jemaah Haji, ini tidak termasuk.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bukan personal accident tetapi 'accident' dalam masa peperangan sebab banyak insurans tidak memberi perlindungan di masa berlakunya peperangan ataupun pergaduhan yang lain.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Itu betul, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kemungkinan besar susah hendak cari insurans bagi passengers untuk jemaah Haji. Insurans yang saya sebutkan itu ialah insurans yang dikenakan kepada MAS.

Untuk soalan kedua, Tabung Haji telah membuat keputusan bahawa jemaah Haji mulai tahun ini menggunakan gelang stainless steel dengan nama dan passport nombor dengan perkataan Malaysia dan juga kalau tak silap saya, blood group, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)

INDUSTRI PELANCONGAN

11. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bentuk rancangan Kementerian untuk mengekalkan prestasi industri pelancongan setelah tamat program Tahun Melawat Malaysia; dan
- (b) apakah persiapan Kementerian untuk bersaing dengan lain-lain negara ASEAN semasa program Tahun Melawat ASEAN di-jalankan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (a), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengekal dan meningkatkan prestasi industri pelancongan setelah tamat program Tahun Melawat

Malaysia. Bagi jangkamasa pendek, usaha-usaha akan dibuat bagi mengadakan berbagai acara, memperbaiki kemudahan-kemudahan asas pelancongan dan mengekalkan usaha mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik di pasaran utama dunia.

Manakala bagi jangkamasa panjang, antara usaha-usaha yang akan diberi penekanan ialah memperbaiki kemudahan infrastruktur pelancongan, mengadakan tempat kediaman yang sesuai bagi pelancong-pelancong, terutamanya pelancong-pelancong tempatan, mengelakkan pencemaran dan mengekalkan keindahan alam sekitar, membangunkan kebudayaan dan kesenian termasuk usaha-usaha pemuliharaan dan latihan serta pembangunan tenaga manusia di dalam bidang pelancongan. Usaha promosi akan terus diberi penekanan bagi jangkamasa panjang.

Bagi soalan (b), untuk menghadapi persaingan daripada negara-negara ASEAN semasa program Tahun Melawat ASEAN 1992, Kementerian ini sedang membuat perancangan dan persediaan bagi mengadakan beberapa acara yang dijangka akan berupaya menarik minat para pelancong untuk datang ke Malaysia.

Sehingga ini sebanyak 30 acara telah dikenalpasti untuk diadakan sepanjang tahun 1991. Antara lain acara-acara berkenaan meliputi kegiatan-kegiatan sukan, pesta-pesta tempatan, perayaan Hari Kebangsaan dan pameran-pameran antarabangsa.

Disamping itu, bagi Tahun Melawat ASEAN, tiap-tiap negara akan menganjurkan sekurang-kurangnya 12 acara peringkat nasional bagi peringkat ASEAN.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan terhadap dakwaan oleh

setengah pihak yang mengatakan bahawa 'TMM' ini ataupun Tahun Melawat Malaysia tidak begitu berjaya sebab majoriti pelawat-pelawat yang melawat negara kita terdiri dari orang-orang Singapura. Kalau negara kita tidak mengadakan kempen TMM ini, orang Singapura pun tetap melawat Malaysia melalui Johor Bahru, sebab Johor Bahru adalah satu bandar sempadan dengan Singapura ini.

Yang kedua, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu jumlah bilangan orang-orang Singapura yang datang melawat Malaysia pada tahun 'TMM' ini.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak begitu tepat kalau dikatakan bahawa Tahun Melawat Malaysia tidak berjaya, bahkan mengikut dari segi perangkaan yang ada pada kita, ia melebihi daripada apa yang telah kita matlamatkan di mana dalam waktu kita merancang untuk melaksanakan Tahun Melawat Malaysia. Kita hanya mempunyai target atau matlamat untuk meningkatkan pertambahan pelancongan 10%, tetapi apa yang kita dapati pada hari ini, ia telah bertambah ataupun meningkat lebih daripada 56% pada tahun 1990.

Adalah perkara biasa bahawa tiap-tiap negeri menerima pelancong daripada jirannya, umpamanya kita ambil Malaysia, kita menerima ramai pelancong daripada Singapura dan begitu juga Singapura menerima ramai pelancong daripada Malaysia. Begitu juga kalau kita lihat di Amerika umpamanya, Amerika menerima ramai pelancong daripada Mexico dan Kanada. Begitulah sebenarnya keadaan semulajadi dalam sektor pelancongan.

Walau bagaimanapun, daripada rekod atau maklumat yang kita ada bahawa Tahun Melawat Malaysia bukan sahaja menarik ramai pelancong jiran, tetapi pelancong-pelancong daripada negara-negara lain seperti Jepun telah

meningkat lebih daripada 145%, daripada Taiwan, daripada Hong Kong, daripada Amerika semuanya meningkat lebih daripada sekitar 100% jika kita lihat dari segi pertambahan. Ini telah kita bandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya.

Mengenai jumlah pelancong yang Yang Berhormat kehendaki sebentar tadi bahawa daripada Singapura merupakan pelancong yang teramai sekali, walaupun begitu, dari segi perkiraannya, untuk makluman Yang Berhormat, kita hanya mengambil 36.3% sahaja daripada keseluruhan pelawat sebagai pelancong.

Ini adalah berdasarkan daripada siasatan yang telah kita buat iaitu kita tidak memasukkira day trippers ataupun pelawat harian yang berulang alik. Jadi, adalah benar daripada segi maklumat yang kita ada iaitu sebenarnya walaupun pelancong-pelancong daripada Singapura merupakan jumlah yang terbesar tetapi mereka juga adalah pelancong yang sebenarnya yang mana tinggal di Malaysia lebih daripada satu hari.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan Kementerian bagi mempertingkatkan pelancongan dalam negara iaitu domestic tourism dan kedua, adakah kajian dibuat untuk mengetahui selera pelancong-pelancong domestic.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, salah satu matlamat Tahun Melawat Malaysia yang telah kita anjurkan itupun ialah untuk memastikan bahawa pelancong-pelancong kita sendiri tidak melawat ke luar negeri tetapi melawat di dalam negeri. Itulah sebab di dalam acara-acara Tahun Melawat Malaysia kita adakan acara-acara yang mana ditumpukan kepada kegiatan kesenian, kemudian kegiatan pameran dan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menarik perhatian kepada pelancong-pelancong tempatan sendiri untuk menyertai di dalam acara-acara ini.

Di samping itu kita juga telah melalui Jawatankuasa Induk Pelancongan yang ada di Kementerian di mana tiap-tiap Kerajaan Negeri disertai oleh pengerusi pelancongan masing-masing telah mengemukakan perkara-perkara atau masalah-masalah yang berkaitan dengan negeri masing-masing dan di sinilah kita telah menggubal serta meminta ataupun mengemukakan pandangan-pandangan kita kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mana yang ingin membangunkan kawasan-kawasan di negeri masing-masing.

Jadi, penekanan juga kita berikan seperti yang saya sebutkan tadi kepada keindahan alam semula jadi yang mana ini juga memberi tarikan kepada pelancong-pelancong kita sendiri yang kalau tidak berkemampuan untuk pergi ke luar negeri, mereka hendaklah melancong di dalam negeri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dato' K. Kumaran.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, ada satu pembetulan. Bahagian (c) baris yang kedua di mana 'Jalan Tapah', pembetulannya 'Tapah Road'. Tapah Road ini adalah nama sebuah pekan dan bukan sebatang jalan.

PENJARA MENGALAMI KESESAKAN

12. **Dato' K. Kumaran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada benar penjara-penjara di negara ini 'over-crowded' dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan;
- (b) jika benar, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan menyegerakan pembinaan sebuah penjara di Tapah Road yang telah dirancang dahulu, dan bilakah ianya dapat disiap.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri
(Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):**
Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bukan semua penjara/institusi penjara yang mengalami masalah kesesakan. Penjara/institusi penjara yang mengalami masalah kesesakan adalah seperti berikut:

- (i) Penjara Pusat Kajang, Selangor,
- (ii) Penjara Pulau Pinang,
- (iii) Penjara Johor Bahru, Johor,
- (iv) Penjara Alor Setar, Kedah
- (v) Penjara Kuantan, Pahang dan
- (vi) Penjara Sabah.

(b) Bagi mengatasi masalah kesesakan di penjara/institusi penjara, Kementerian Dalam Negeri telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Memindahkan banduan daripada penjara-penjara yang mengalami kesesakan kepada penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan. Semenjak awal tahun ini seramai 3,250 orang banduan dan banduanita telah dipindahkan.
- (ii) Menyiapkan sepenuhnya pembinaan beberapa buah penjara seperti Penjara Simpang Renggam di Johor, Penjara Penor di Kuantan, Pahang dan Penjara Dadah di Jelebu, Negeri Sembilan.
- (iii) Mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan supaya kes-kes remand dapat disegerakan pembicaraannya.

(c) Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan pembinaan Penjara di Tapah, Perak kerana penjara/institusi penjara yang sedia ada dan yang sedang di dalam pembinaan berkeupayaan untuk menampung pertambahan banduan sehingga menjelang tahun 2000.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun masalah kesesakan penjara ini bukan di semua tempat tetapi di tempat-tempat tertentu sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Tetapi kita tahu bahawa peningkatan banduan-banduan semakin sehari semakin meningkat, maknanya yang masuk penjara ramai, yang keluar slow, sedikit-sedikit. Jadi, tentulah akan berlaku over-crowded pada masa-masa akan datang.

Jadi, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menukar dasar perpindahan penjara ini dengan memilih pulau-pulau yang ada di negara kita ini sebagai tapak penjara kerana banyak pulau-pulau kita tidak digunakan sepenuhnya kerana pulau-pulau ini kalau kita lihat di setengah-setengah negara sudahpun menggunakan pulau seperti Pulau Jerejak dari segi keselamatannya, dari segi pengawalannya, dari segi hendak memastikan banduan tidak lari. Jadi, dikira pulau itu tempat yang paling ideal untuk banduan-banduan kerana walaupun kita pindah sekarang ini sudah tentu tempat yang kita pindah sekarang akan juga over crowded dengan masalah pendatang haramnya dan dengan masalah macam-macam sekarang ini. Oleh itu saya ingin tanya Yang Berhormat adakah cadangan seumpama ini boleh diterima oleh pihak Kerajaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah apa yang diperkatakan oleh Wakil dari Pasir Mas itu bahawa penambahan banduan-banduan ini di masa-masa akan datang mungkin

mewujudkan masalah di pusat-pusat penjara. Namun begitu, perkiraan yang telah dibuat bahawa menjelang tahun 2000 kita menjangkakan bahawa banduan ada lebih kurang 31,000. Pada hari ini bilangan banduan di seluruh negara ialah 24,821 orang, ini termasuklah di pusat-pusat tahanan di Pulau Jerejak, Batu Gajah, Muar dan sebagainya. Tetapi tempat kosong yang akan wujud pada menjelang tahun 2000 ialah 32,000 jadi bermakna dengan adanya penjara yang ada, di tambah pula dengan penjara-penjara yang sedang dibina maka keadaan adalah mencukupi.

Masalah mewujudkan pulau-pulau sebagai pusat tahanan, ini tergantung kepada keadaan pulau itu sendiri, kalau sekiranya pulau itu dipenuhi dengan batu batan, tidak ada air dan sebagainya, tidak ada program untuk pemulihan seperti bercucuk tanam dan juga penternakan maka ini akan meninggikan kos untuk menyara penjara-penjara tersebut. Itulah sebabnya kita tidak dapat misalnya Pulau Bidung untuk dijadikan pusat tahanan misalnya kerana keadaan yang akan menambahkan kos di mana air terpaksa dibawa daripada darat dan sebagainya. Bagaimanapun, perkara ini akan kita fikirkan apabila keadaan tiba masanya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jumlah atau bilangan orang-orang tahanan yang jauh lebih daripada bilangan yang ideal mengenai kesesakan. Apakah bilangan orang-orang tahanan yang melebihi bilangan yang ideal, dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan nisbah kesesakan berbanding dengan nisbah ideal.

Yang kedua, mengenai dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai Pulau Bidung, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jaminan bahawa Pulau Bidung

tidak akan dijadikan sebagai satu pusat tahanan. Sungguhpun keadaan tidak mengizinkan tetapi bolehkah jaminan diberikan bahawa ia tidak dijadikan satu tempat tahanan dan bilakah Pulau Bidung ini akan ditutup untuk pendedahan-pendedahan dari negara Vietnam.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, keadaan kedudukan dalam penjara-penjara hari ini, kalau kita seimbangkan penjara-penjara di seluruh negara, keadaannya tidaklah begitu sesak dan kita dapati terutama daripada pendedahan-pendedahan haram yang kita tangkap dan masuk ke penjara cukup seronok duduk di penjara sini kerana makanan dan keselesaan yang wujud. Jadi, ini menunjukkan bahawa kadang-kala ada pihak yang memikirkan bahawa keadaan penjara di negara kita ini melebihi standard yang telah ditentukan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Tentang perkara yang kedua, kita tidak ada cadangan langsung untuk menjadikan Pulau Bidong sebagai pusat tahanan. Tentang soalan yang kedua, daripada masalah Pulau Bidong itu, saya fikir kalau saya jawab dalam Dewan ini dia akan menyebabkan lebih ramai lagi orang-orang yang tertentu yang akan datang ke Pulau Bidong. Dengan sebab itu untuk keselamatan negara lebih baiklah saya tidak usah jawab dan saya akan jawab secara persendirian dengan Yang Berhormat.

KUTIPAN TOL—KOS PEMBINAAN JEJAMBAT/JALAN RAYA DI BANDARAYA

13. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan membina jejambat dan pembesaran jalan raya di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur

sehingga membawa kepada kutipan tol sebanyak \$1.00 di Plaza Tol Sungai Besi baru-baru ini dan berapakah kerugian Kerajaan sekiranya tol itu dikurangkan; dan

- (b) berapakah jumlah perbelanjaan menyelenggarakan Lebuhraya di seluruh negara masa ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut maklumat yang diperolehi daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kos pembinaan jejambat dan pembesaran jalan raya di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur di bawah projek penswastan adalah dianggarkan berjumlah \$398 juta. Mengenai plaza tol di Sungai Besi, plaza tol ini selalunya dikaitkan dengan Lebuhraya Kuala Lumpur — Seremban dan kadar tol bukannya \$1.00 tetapi mengikut jauh perjalanan dan kelas kenderaan yang telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi dengan PLUS.

Dalam konteks soalan Yang Berhormat ini, mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah plaza tol di Jalan Ceras di kawasan Parlimen Sungai Besi yang telah dibangkitkan beberapa kali dan telahpun di jawab di Dewan yang mulia ini.

Di sini saya ingin memberi sedikit maklumat tambahan kepada Yang Berhormat mengenai sama ada Kerajaan akan menanggung kerugian jika sekiranya kadar tol dikurangkan, sukalah saya memaklumkan ianya belum dapat dipastikan kerana masalah mengenai kadar

tol ini masih dalam perundingan. Walau bagaimanapun sehingga kini Kerajaan belum membuat sebarang pembayaran kepada syarikat yang diberi konsesi.

- (b) Mengenai perbelanjaan menyelenggara lebuhraya, ianya adalah dianggarkan sebanyak \$34 juta setahun untuk Lebuhraya Utara—Selatan dan bagi Lebuhraya Kuala Lumpur—Karak, perbelanjaannya dianggarkan sebanyak \$7.1 juta setahun. Ini tidak termasuk perbelanjaan penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak Kementerian Kerja Raya bercadang untuk diadakan satu penyiasatan awal bersabit dengan penswastan tol-tol ataupun pembinaan jejambat di sekitar Bandaraya yang menjadi kontroversi ini bagi menentukan sama ada kos yang ditawarkan sebanyak \$398 juta itu bersesuaian atau tidak dengan kos yang lazimnya dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya sendiri. Kerana di sini ada kaitan dengan tempoh masa di mana mereka terpaksa membayar tol melalui jejambat ini.

Perkara yang kedua, saya ingin bertanya mengenai dengan perbelanjaan menyelenggara lebuhraya yang disebutkan tadi di mana ianya melibatkan wang yang banyak dan adakah terdapat dalam penyelenggaraan lebuhraya di tempat-tempat tertentu ia diberi secara perundingan ataupun secara negotiated kepada kontraktor-kontraktor tertentu dan adakah melalui pengalaman selama ini cara pemberian itu bersesuaian atau tidak dengan kerja-kerja yang telah dibuat. Kerana selama ini kita dengar banyak berlaku masalah mudah rosak dan juga berlakunya kemalangan dan sebagainya seperti di Lebuhraya Karak dan sebagainya,

walaupun ianya selalu dibaiki tetapi selalu pula rosak. Jadi, dengan cara pendekatan yang baru apakah ianya akan dikaji semula. Terima kasih.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama, Kerajaan tidak bercadang mengadakan satu penyiasatan kerana penswastaaan ini ditawarkan secara terbuka kepada 5 syarikat dan daripada 5 syarikat itu Kerajaan menetapkan bahawa Syarikat Teratai K.G. adalah yang paling sesuai dan kita tidak bercadang mengadakan satu penyiasatan umum.

Berkenaan dengan soalan yang lain, ada kontrak yang diberi dengan secara terbuka dan ada juga kontrak yang diberi secara perundingan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 4, 5, 10 dan 14 hingga 18 adalah diberi di bawah ini)

UNIVERSITI DI SABAH— PENUBUHAN

3. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah penubuhan universiti di Sabah tidak perlu, sedangkan rakyat Sabah sangat-sangat memerlukan penubuhan sebuah universiti di Sabah untuk semua rakyat Malaysia, bukan rakyat Sabah sahaja.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu penubuhan universiti di Sabah atau Sarawak oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan Ahli Yang Berhormat dari Lanang telahpun dijawab sekaligus pada

29.1.1991. Oleh itu tidak ada apa-apa tambahan yang ingin dinyatakan. Terima kasih.

HOSPITAL DAERAH KOK LANAS

4. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sebuah Hospital Daerah di Kok Lanas, Kelantan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Kementerian tidak ada cadangan untuk menubuhkan sebuah Hospital Daerah di Kok Lanas, Kelantan. Ini kerana di Kok Lanas pada masa kini telah ada sebuah hospital tentera yang di bawah kelolaan Kementerian Pertahanan yang memberi perkhidmatan kepada golongan askar dan keluarga mereka serta juga orang awam.

Di Kok Lanas juga terdapat sebuah Klinik Desa yang dapat memberi perkhidmatan kepada penduduk di kampung sekitarnya. Di samping itu, dua buah Pusat Kesihatan iaitu PKB Keteleh dan PK 1 Pulai Chondong adalah lebih kurang 5-6 km jauhnya dari Kok Lanas.

SUBSIDI BAJA KEPADA PETANI DI KELANTAN

5. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar subsidi baja kepada petani-petani di Kelantan telah ditangguhkan. Jika benar, bilakah petani tersebut akan dapat semula subsidi tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji semula kaedah pemberian subsidi baja sekarang kepada petani-petani di Kelantan. Keputusan mengenainya akan dibuat selepas kajian

semula dan kaedah baru pemberian subsidi baja disiapkan.

**PENDATANG FILIPINA/
INDONESIA DI SABAH**

10. Tuan Michael Asang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian bercadang untuk membahagi-bahagikan bilangan pendatang haram/pelarian (orang asing) daripada Filipina dan Indonesia yang ramai bilangannya di Sabah ke seluruh negeri-negeri di Malaysia; dan
- (b) jika ada cadangan, bila dan jika tiada, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk membahagi-bahagikan pendatang luar negeri Filipina dan Indonesia dari negeri Sabah ke negeri-negeri lain di Malaysia. Negeri-negeri lain di Malaysia pun sedang menghadapi masalah yang sama. Membahagi-bahagikan mereka ke negeri lain akan hanya membesar dan merumitkan lagi masalah ini dan oleh itu bukanlah satu cara penyelesaian yang baik.

**CUKAI PERJUDIAN YANG
DIKUTIP**

14. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Kewangan menyatakan hasil yang dikutip sebagai cukai perjudian setiap tahun dalam tempoh 1986 hingga 1990 daripada

- (a) Pan Malaysia Sweeps Sdn. Bhd.;
- (b) Sabah Sweepstakes;
- (c) Sports TOTO;
- (d) Magnum Corporation Bhd;
- (e) Pan Malaysia Pool;
- (f) Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Kerajaan Persekutuan tidak melesenkan Sabah Sweepstakes. Oleh itu saya tidak dapat memberi maklumat mengenai hasil kutipan cukai bagi Sabah Sweepstakes.

Hasil cukai perjudian yang dikutip tiap-tiap tahun daripada syarikat-syarikat perjudian lain yang ditanyakan adalah seperti berikut:

	1986	1987	1988	1989	1990
1. Pan Malaysia Sweep Sdn. Bhd.	—	—	—	13,925,000.00	26,532,623.36
2. Sports TOTO	9,307,805.00	17,373,434.50	21,253,279.95	22,018,096.20	26,138,272.10
3. Magnum Corporation Bhd.	166,376,000.40	153,113,015.99	146,555,175.01	182,700,862.16	169,215,776.41
4. Pan Malaysia Pool	—	—	—	481,818.70	19,110,000.00
5. Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan	13,850,000.00	21,877,861.00	15,400,000.00	20,400,000.00	16,800,000.00

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Pan Malaysian Sweep Sdn. Bhd. dan Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. hanya beroperasi mulai tahun 1989.

PASPORT MALAYSIA— PENYALAHGUNAAN

15. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat penyalahgunaan pasport Malaysia di peringkat antarabangsa dengan cara yang lebih berkesan agar nama Malaysia tidak tercemar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sebagai langkah untuk menyekat penyalahgunaan pasport Malaysia di peringkat antarabangsa, Kerajaan sentiasa mewujudkan hubungan kerjasama dengan pihak berkuasa luar negeri bagi mengesan pasport-pasport Malaysia yang dipinda atau diusik.

Seperti Yang Berhormat termaklum, tugas untuk memastikan pasport tidak tercicir, dicuri atau diusik bukanlah terletak di bahu Kerajaan semata-mata. Adalah menjadi tanggungjawab pemegang pasport sendiri untuk menjaga keselamatan dokumen tersebut agar tidak terjatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab.

PENGEDARAN PENERBITAN DI PASARAN

16. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah ada dalam arahan Kerajaan Malaysia buku terbitan tempatan yang tidak pernah diharamkan, dilarang daripada dipasarkan di tempat-tempat tertentu. Jika tidak, mengapa buku berjudul "Escape From Tyranny In Malaysia" karangan

Zulkifli Ahmad yang bebas dipasarkan di Semenanjung dan ada dipasarkan di Sabah, tetapi versi dalam Bahasa Malaysianya dirampas oleh Kastam ketika dibawa masuk ke Sabah;

- (b) apakah sebab-sebab tindakan menahan itu kerana undang-undang atau bermotif politik; dan
(c) sebab-sebab mengapa versi Inggeris boleh diedarkan dan yang dalam Bahasa Malaysia tidak boleh diedarkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan tidak akan melarang pengedaran mana-mana penerbitan di pasaran sekiranya pengharaman tidak dibuat terlebih dahulu terhadap penerbitan berkaitan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah mengharamkan buku bertajuk "Escape From Tyranny In Malaysia" karangan Zulkifli Ahmad baik dalam Bahasa Malaysia mahupun dalam bahasa Inggeris.

- (b) dan (c) Memandang kepada buku tersebut tidak diharamkan, maka soalan-soalan Yang Berhormat yang berikutnya tidak perlu dijawab.

ZAKAT—JUMLAH KUTIPAN

17. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah kutipan zakat di seluruh negeri di Malaysia ini mengikut tahun, sejak 10 tahun lalu. Sejauh manakah pengagihan zakat mengikut yang ditetapkan oleh syarak telah dilaksanakan.

Tuan Othman bin Abdul: Setakat maklumat yang boleh diperolehi kira-kira \$230 juta zakat telah dipungut di seluruh negara. Pengurusan zakat adalah dikendalikan oleh Majlis Agama Islam

Negeri-negeri. Pengagihan zakat adalah dibuat berdasarkan Hukum Syarak.

LABUAN SEBAGAI PELABUHAN BEBAS

18. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan peranan Labuan sebagai sebuah Pelabuhan Bebas dan pusat perniagaan bagi ASEAN dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memasarkan dan memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Kerajaan memang berusaha untuk meningkat peranan Labuan sebagai Pelabuhan Bebas dan Pusat Perniagaan bagi ASEAN di samping memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa—

(a) Usaha-usaha yang dirancang adalah melibatkan keseluruhan pembangunan di Labuan. Antaranya ialah:

- (i) menyediakan pelan struktur baru yang lebih lengkap bagi Wilayah Persekutuan Labuan;
- (ii) merancang penggunaan tanah dengan lebih sistematik dan teratur;
- (iii) memperbaiki sistem perhubungan udara dan telekomunikasi;
- (iv) meningkatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain.

(b) Projek-projek yang telah dikenalpasti ialah:

(i) **Lapangan Terbang**

Mengubahsuai bangunan terminal yang sedia ada

serta membina bangunan terminal yang baru untuk pesawat B 737.

(ii) **Hospital**

Pembinaan hospital yang boleh memuatkan 100 buah katil.

(iii) **Telekomunikasi**

Sistem telekomunikasi telah ditingkatkan dengan pemasangan ibu sawat telefon (8,000 talian), menggunakan rangkaian gelombang mikro digital dan juga menanam rangkaian kabel bawah tanah.

(iv) **Pelabuhan**

Kerja-kerja pembaikan sedang giat berjalan.

(c) Langkah-langkah yang diambil bagi memasarkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa adalah seperti berikut:

(i) mengadakan seminar "Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa" pada 5-2-1991 dan 6-2-1991 di Kuala Lumpur kepada ahli-ahli bank, pihak insuran dan ahli-ahli perniagaan.

(ii) Pihak MIDA (Malaysia Industrial Development Authority) dan Kementerian Kewangan serta agensi-agensi lain yang terlibat akan melancarkan misi pelaburan ke pusat-pusat kewangan seperti Hong Kong, Tokyo dan Singapura. Seterusnya misi akan dibuat ke negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat.

Setiausaha: Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul. Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan), Bacaan Kali Yang Kedua.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, apakah point of order?

Tuan Lim Guan Eng: Saya telah membawa satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat membentangkan usul itu, kita sudah beri notis tentang keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Keputusan telah dibuat dan telah disampaikan kepada Yang Berhormat pagi tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Dengan surat?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar. Yang Berhormat tidak dibenarkan untuk membangkitkan perkara ini lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan point of order mengenai surat yang dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua mungkin silap. Sebenarnya perkara yang saya hendak bangkitkan itu tidak sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Adalah sama. Kita sudah selidik dan meneliti dengan mendalam berkenaan dengan perkara itu.

Tuan Lim Guan Eng: Usul yang saya bawa pada 14hb Januari itu ialah mengenai masalah ketiadaan air di Melaka dan bahawa Melaka diisytiharkan sebagai satu kawasan bencana alam semula jadi. Tetapi kali ini bukan mengenai perkara itu, kali ini ialah bahawa keadaan telah bertambah buruk dan bahawa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: . . . Kerajaan Pusat patut mengambil-alih seluruh operasi membekalkan air kepada rakyat negeri Melaka. Itu bukan perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk. Perkara itu kita sudah teliti pada pagi ini, dan perkara itu berkaitan dengan masalah sama sahaja. Jadi, kita tolak mengikut Peraturan Mesyuarat tertentu. Saya harap Yang Berhormat menerima keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak membangkitkan kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa perkara ini adalah tidak sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita sudah teliti dan Yang Berhormat harus menerima keputusan bahawa perkara itu adalah sama dan keputusan itu adalah mengikut Peraturan Mesyuarat dan keputusan itu adalah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Mengikut Peraturan Mesyuarat, keputusan itu adalah muktamad. Jadi, saya minta kerjasama dari Yang Berhormat untuk mematuhi keputusan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Itu saya tahu dan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tahu. Tetapi saya rasa ini amat tidak adil

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita telah putuskan. Kita telah meneliti dengan mendalam dan perkara itu adalah sama. Kita membuat keputusan mengikut Peraturan Mesyuarat, bukan mengikut selera nafsu kita.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu, tetapi perkara ini tidak sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jadi, saya minta kepada Yang Berhormat tolong duduklah. Kita ada banyak lagi perkara yang perlu dibincangkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini sangat tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, sila.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibentangkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini

adalah bertujuan untuk meminda, mengemaskini dan mewujudkan beberapa peruntukan baru di dalam Akta Telekomunikasi 1950 demi mempertingkatkan keberkesanan pengawalseliaan ke atas sektor telekomunikasi di negara ini. Sejak dari kewujudan Akta Telekomunikasi 1950, ia telah mengalami beberapa pindaan dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan tuntutan perkhidmatan telekomunikasi semasa. Pindaan yang terakhir telah dibuat pada tahun 1985. Cadangan kali ini adalah dirasakan perlu memandangkan beberapa perkembangan baru yang telah berlaku di sektor telekomunikasi di negara ini.

Sejak kebelakangan ini sektor telekomunikasi negara telah berkembang dengan begitu pesat sekali, baik dari segi jenis perkhidmatan mahupun bilangan syarikat yang mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan serta bilangan pelanggan dan pengguna.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang baru yang telah diperkenalkan dan telah berkembang pesat ialah MAYSIS, MAYFAC, Perkhidmatan Radio Telekomunikasi seperti ATUR 450 dan 900, Sistem Trunk Radio dan Paging. Selain daripada itu, perkhidmatan tambah-nilai iaitu, dengan izin, value added seperti ATM dan Video Text juga telah diperkenalkan.

Sejak 1 Januari 1987, Jabatan Telekom Malaysia telah diswastakan dan serentak dengan itu satu badan kawalselia iaitu Jabatan Telekom Malaysia (Kawalselia) telah ditubuhkan. Badan Kawalselia ini diberi tanggungjawab mengawalselia sektor telekomunikasi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan-perkembangan yang saya sebutkan itu memerlukan pindaan-pindaan tertentu dibuat ke atas Akta Telekomunikasi. Akta Telekomunikasi adalah Akta induk yang menyediakan asas undang-undang

bagi mengawalselia sektor telekomunikasi di negara ini. Maka adalah perlu bagi pihak Kerajaan memastikan Akta berkenaan sentiasa disesuaikan supaya dapat menampung segala perkembangan di sektor yang sama. Selain daripada itu, pindaan Akta ini juga dipinda bagi menyelaraskannya dengan Akta Penyiaran 1988.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan dapat dirumuskan di bawah beberapa tajuk seperti berikut:

- (a) Fasal 2, Rang Undang-undang bertujuan antara lain memasukkan takrif baru, dengan izin, "authorized telecommunication officer" iaitu pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa. Takrif baru tersebut dimasukkan selaras dengan kemasukan peruntukan mengenai penguatkuasaan yang mana akan dijalankan oleh pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa. Dengan cadangan untuk memasukkan peruntukan baru mengenai penguatkuasaan dan untuk memberikan kuasa-kuasa sedemikian kepada pegawai-pegawai Jabatan Telekom Malaysia adalah perlu untuk memasukkan satu takrifan, dengan izin, "authorized telecommunication officer" untuk membezakannya daripada pegawai-pegawai di bawah kawalan pelesen.

Di samping itu, takrifan "telecommunication officer" adalah juga dipinda untuk menjelaskan siapakah pegawai telekomunikasi setelah pen-swastaan. Dengan pindaan-pindaan ini, maka, dengan izin, "authorized telecommunication officer" bermakna pegawai-pegawai Jabatan Telekom Malaysia dan juga pegawai-pegawai pelesen.

- (b) Kuasa Menteri membuat peraturan. Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan mengenai telekomunikasi di bawah seksyen 7, Akta Telekomunikasi 1950 dan mengenai radiokomunikasi di bawah Seksyen 40. Fasal 6 dan 26 Rang Undang-undang akan memasukkan perkara-perkara baru yang baginya Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berhubung dengan telekomunikasi dan radiokomunikasi. Perkara-perkara baru ini termasuk penjualan, pemasangan dan penyelenggaraan peralatan.

Syarat-syarat kelayakan minimum orang-orang yang boleh memasang dan menyelenggara alat-alat telekomunikasi dan penggunaan Spectrum Frequency. Di bawah Akta Telekomunikasi, Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan mengenai telekomunikasi di bawah seksyen 7 dan membuat peraturan mengenai radiokomunikasi di bawah seksyen 40. Kedua-dua seksyen ini dipinda dengan memperluaskan perkara-perkara di mana Menteri boleh membuat peraturan.

- (c) Kenaikan kadar denda. Fasal 9 hingga 18 dan Fasal 24 Rang Undang-undang bertujuan menaikkan kadar denda bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Telekomunikasi. Ini adalah untuk memastikan kadar denda adalah berpatutan dengan keberatan kesalahan selaras dengan perkembangan yang berlaku kini.

Kementerian ini mendapati lapangan telekomunikasi telah memainkan peranan yang penting dan merupakan satu sumber ekonomi yang berpotensi. Ianya adalah merupakan

satu bidang perusahaan perdagangan yang berkembang pesat dan kini dikendalikan oleh pihak swasta. Bagi menjamin perkembangan dan keselamatan telekomunikasi, fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan perlu dijalankan dengan cara yang berkesan.

Selaras dengan itu, kadar denda wajarlah berpatutan dengan keberatan kesalahan. Oleh itu, adalah dicadangkan dinaikkan kadar denda bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31 dan 39 Akta Telekomunikasi. Kadar denda maksimum yang dicadangkan bagi kesalahan berat adalah \$100,000.

- (d) Penyelarasan dengan Akta Penyiaran 1988 Fasal 22 Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 38 bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Penyiaran 1988 untuk memasang, mengendalikan atau berniaga alat penerima siaran radio atau alat penerima siaran televisyen atau mana-mana orang yang dikecualikan di bawah seksyen 15 Akta itu tidaklah perlu memperoleh lesen di bawah seksyen 37(1) Akta Telekomunikasi untuk memasang, mengendalikan atau berniaga alat-alat penerima sedemikian.

Sekarang ini, mana-mana orang yang memasang, mengendalikan atau menjual alat radiokomunikasi adalah dikehendaki mendapatkan lesen di bawah seksyen 38(1) Akta Telekomunikasi. Walaupun begitu, mana-mana orang yang memasang, mengendali atau

menjual alat penerima siaran radio atau televisyen adalah juga dikehendaki untuk mendapat lesen di bawah seksyen 14, Akta Penyiaran 1988. Akan tetapi, seksyen 17 Akta Penyiaran memperuntukkan bahawa apa-apa lesen berkenaan dengan alat penerima siaran radio atau TV yang dikeluarkan di bawah Akta Telekomunikasi adalah disifatkan sebagai telah dikeluarkan di bawah Akta Penyiaran. Oleh yang demikian, maka pindaan yang dicadangkan adalah untuk memasukkan satu provisi kepada seksyen 38(1) Akta Telekomunikasi untuk menjelaskan bahawa alat penerima siaran radio dan TV yang dilesenkan di bawah Akta Penyiaran tidak perlu dilesenkan di bawah Akta Telekomunikasi.

- (e) Pengecualian daripada dilesenkan. Fasal 23 Rang Undang-undang bertujuan memasukkan seksyen baru 38A untuk memberi Menteri kuasa mengecualikan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang boleh dikenakan olehnya, mana-mana orang yang mempunyai lesen untuk memasang atau mengerjakan radiokomunikasi yang dikeluarkan oleh negara yang mempunyai hubungan bersaling dengan Malaysia melalui satu treaty mengenai lesen-lesen sedemikian daripada kuatkuasa seksyen 38.

Seksyen 37 yang sedia ada memperuntukkan mengenai kuasa Menteri untuk mengeluarkan lesen dalam bidang telekomunikasi dan radio komunikasi. Seksyen 38 yang sedia ada memperuntukkan syarat-syarat yang boleh dikenakan kepada lesen-lesen tersebut. Pindaan adalah dibuat untuk memberi kuasa kepada

Menteri untuk mengecualikan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang boleh dikenakan olehnya, mana-mana orang yang mempunyai lesen untuk memasang atau mengerjakan radiokomunikasi yang dikeluarkan oleh negara yang mempunyai hubungan bersaling dengan Malaysia melalui satu perjanjian mengenai lesen-lesen tersebut daripada seksyen 38.

- (f) Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penguatkuasaan dan penyiasatan. Fasal 27 Rang Undang-undang bertujuan memasukkan Bahagian baru VI berhubung dengan penguatkuasaan dan penyiasatan oleh pegawai-pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa. Pada masa ini, pegawai Jabatan Telekom Malaysia membantu pihak Polis dalam menguatkuasakan Akta Telekomunikasi.

Dengan adanya bahagian baru ini pegawai-pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa akan mempunyai kuasa penyiasatan untuk memastikan penguatkuasaan Akta yang berkesan.

Satu bahagian yang baru iaitu Bahagian VI, seksyen 44 hingga 50 mengenai penguatkuasaan adalah dicadangkan dalam pindaan ini, dengan tujuan utama untuk memperkemas Peraturan dan Undang-undang Telekomunikasi yang ada sejajar dengan peranan Jabatan Telekom Malaysia sekarang sebagai Badan Kawalselia Telekomunikasi di negara ini.

Peruntukan di Bahagian VI ini akan membolehkan pegawai-pegawai Telekom yang diberi kuasa menjalankan tugas penguatkuasaan seperti menyiasat kesalahan yang dilakukan di bawah Akta masuk dengan waran atau sebaliknya mana-mana premises di mana kesalahan telah dilakukan serta menjalankan pendakwaan di mahkamah. Sehingga

kini pegawai-pegawai Jabatan Telekom Malaysia tidak mempunyai kuasa undang-undang secukupnya untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai Pegawai Penguatkuasaan di Badan Kawalselia.

Peraturan 19 Peraturan Radio-komunikasi memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Telekomunikasi memasuki dan memeriksa apa-apa alat telekomunikasi. Tindakan-tindakan yang diambil sekarang hanya bergantung kepada kesediaan dan kemampuan pihak Polis.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, amatlah penting bagi pihak Kerajaan mempunyai kuasa yang secukupnya bagi memastikan pengawalseliaan ke atas sektor telekomunikasi dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya demi menjamin perkembangan sektor telekomunikasi yang sihat dan teratur. Itulah sahaja hasrat Kerajaan dalam membuat pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Petaling Jaya.

3.52 ptg.

Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penswastan Telekom maka kini kami mempunyai sebuah monopoli eksklusif

bernama STM ataupun Syarikat Telekom Malaysia. Akibat itu satu industri yang besar dan berlumayan telah terlucaut daripada pengawasan demokratik dan pertanggungjawapan awam. Dalam Tenaga Nasional Berhad saya telahpun mendedahkan beberapa skandal penyalah

Dato' Seri S. Samy Vellu: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat Menteri membangkitkan point of order.

Dato' Seri S. Samy Vellu: 36(1). Saya ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu". STM tidak ada kaitan, Tenaga Nasional tidak ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat saya bersetuju dengan kenyataan Menteri tadi.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri adalah Menteri Telekom dan juga

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, tetapi kita bahaskan Akta ini.

Dr Kua Kia Soong: Tetapi ada persamaan dengan dasar penswastaaan dalam negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat jangan berucap tentang dasar penswastaaan, tetapi tentang Akta ini. Sila Yang Berhormat.

Dr Kua Kia Soong: Seterusnya rakyat Malaysia pada umumnya mempunyai pengaruh yang kurang ke atas dasar-dasar ekonomi dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas dasar penswastaaan semacam ini di mana sebuah perbadanan awam diambilalih oleh sebuah monopoli swasta, tidak memupuk persaingan dan tidak menyebabkan harga yang lebih rendah bagi para pengguna.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, jikalau beliau sudah menyiapkan ucapan beliau, saya minta beliau tarik balik ucapan itu dan ucap mengikut dengan apa yang kita bincang pada hari ini. Apa yang kita bincang ialah 5 atau 6 syarat di mana kita pinda kepada Akta Telekomunikasi, tidak ada kaitan dengan STM atau mana-mana dasar yang lain. Kaitan dengan lesen ada, kaitan dengan penswastaaan saya sudah bincang, itu tidak kaitan apa-apa.

Saya harap Ahli Yang Berhormat menghadkan ucapan beliau dan masuk dalam Akta ini, tidak boleh keluar mengikut Peraturan Mesyuarat yang saya sudah sebut tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita memperingatkan sekali lagi, Menteri lebih tahu tentang perkara yang dibentangkan.

Dr Kua Kia Soong: Tetapi Menteri bukan Guru Besar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar, tentang apa yang diperuntukkan di dalam

Dr Kua Kia Soong: Ini bukan bilik darjah dalam sekolah rendah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: 36(1). Saya minta

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Itu sangkaan jahat, dia kata saya bukan 'Tuan Besar', saya minta dia tarik balik.

Dr Kua Kia Soong: Saya kata 'Guru Besar', bukan 'Tuan Besar'.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tarik balik!

Dr Kua Kia Soong: Saya tidak kata 'Tuan Besar', saya kata 'Guru Besar'.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya bukan 'Guru Besar'. Seorang Ahli Parlimen mempunyai pengalaman, mempunyai bacaan, masuk dalam Dewan dipilih sebagai Ahli Yang Berhormat oleh rakyat mesti tahu mana satu 'Guru Besar' dan mana satu 'Menteri'—itupun tidak tahukah?

Dr Kua Kia Soong: Bukan, ini dipanggil simile.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Petaling Jaya minta kerjasama.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Duduk Yang Berhormat sebentar.

Dr Kua Kia Soong: Adakah ini Dewan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat nanti sebentar, supaya jangan diganggu

Dr Kua Kia Soong: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): . . . sila berucap mengenai apa yang telah ditetapkan. Teruskan.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Menteri. Sebab hari itu dia kata dia tidak marah dengan saya, nampaknya oleh sebab

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar.

Dr Kua Kia Soong: . . . skandal ini telah pun diterbitkan dalam Far Eastern Economic Review hari ini dia sudah marah dan

Dato' Seri S. Samy Vellu: Point of order 36(1) lagi. Tidak ada skandal dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Hari itu Ahli Yang Berhormat telah membincang dan membangkitkan beberapa isu, saya boleh rujuk perkara itu kepada Select Committee, tetapi saya tidak ada buat. Apa yang saya buat hari ini, saya mahu dia mendapat sedikit ajaran bagaimana kita berbahas dalam Dewan yang mulia ini, hari itu dia orang baru, saya beri dia lepas, hari ini tidak boleh. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya setuju. Yang Berhormat teruskanlah ucapan.

Dr Kua Kia Soong: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan membuat introductory remarks, pergi terus ke ucapan.

Dr Kua Kia Soong: Sebaliknya dia merupakan satu kes di mana sesuatu monopoli swasta dikawal menerusi peraturan oleh Kerajaan atau Government Regulations.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Point of order 36(1), Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order, ya, dua kali.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat tadi sudah sediakan ucapan dan kalau ucapan itu tidak ada kaitan dengan Rang Undang-undang yang dipinda, tarik baliklah ucapan tadi dan buat ucapan lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar. Saya sudah beri amaran dan kali ini kalau Yang Berhormat tidak tetapkan dengan perkara yang berbangkit, saya akan beri peluang kepada orang lain berucap dan jangan salahkan saya.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya tidak biasa—saya sudah lama dalam universiti, dalam universiti kalau buat ucapan

Dato' Seri S. Samy Vellu: 36(6), Tuan Yang di-Pertua. Universiti tidak ada berkaitan dengan Rang Undang-undang yang kita bincang hari ini. Saya minta Yang Berhormat tarik balik, universiti tidak ada berkaitan, ini bukan Akta Universiti.

Seorang Ahli: Okay, ini bukan ceramah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskan.

Dr Kua Kia Soong: Saya tidak biasa dengan suasana macam sekolah rendah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini satu sangkaan yang jahat. Saya minta Ahli Yang Berhormat tarik balik suasana seperti sekolah rendah, dia kata semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini jadi penuntut-

penuntut dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Dia pun termasuklah juga di dalamnya? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tadi universiti, sebentar sekolah rendah. Ya, Kepong.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan 36(1) lagi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Gerik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu membincangkan mengenai telekomunikasi dan kalau dia sentuh mengenai Guru Besar ataupun Penyelia Sekolah atau universiti itu sebagai satu contoh sahaja, tidak payah kita hendak naik marah macam itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dengan point of order, saya tidak marah, hari ini saya cukup-cukup jaga Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Fasal hari itu saya tidak jaga dia, dia sudah marah saya banyak, tetapi saya sudah lupalah. Hari ini saya mahu jaga dia sebab dia orang baru, saya mahu beri dia satu ajaran yang mana pada masa yang akan datang dia boleh bincang dengan lebih baik dan saya boleh jawab dengan lebih selesa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak marah, hanya suara banyak terang. (*Ketawa*) Teruskan Yang Berhormat.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat penjelasan. Hari itu dia tidak marah dengan saya oleh sebab surat khabar tempatan tidak

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudahlah Yang Berhormat, bercakap tentang inilah.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dr Kua Kia Soong: Okay. Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang ini nampaknya ialah tafsiran baru serta kuasa-kuasa luas yang diberi kepada telecommunication officer atau pegawai telekomunikasi.

Seksyen baru 3C berbunyi:

“3C. The Director General may, in writing, delegate to any authorized telecommunication officer, subject to such conditions and restrictions as the Director General may impose, the performance of any duty or function imposed or conferred on him under this Act.”

Dengan adanya pindaan ini, seksyen baru 31B memberikan kuasa-kuasa yang menggempurkan kepada pegawai-pegawai telekomunikasi untuk memasuki tanpa waran mana-mana premis dan menahan sesiapa yang berada di premis tersebut. 31B berbunyi:

“31B Whenever it appears to an authorized telecommunication officer that there is reasonable cause to believe that in any premises there is concealed or deposited any apparatus or equipment used or intended to be used to establish, maintain or work a telecommunication in contravention of section 3 or to commit an offence under this Part, and the authorized telecommunication officer has reasonable grounds for believing that by reason of delay in obtaining a search warrant under section 31A any such apparatus or equipment is likely to be removed or destroyed, the authorized telecommunication officer may enter and search such premises without a warrant

and seize any such apparatus or equipment found therein and may detain any person found in such premises.”

Juga dalam seksyen baru 39A, kuasa yang sama luas diberikan kepada pegawai telekomunikasi:

“39A Whenever it appears to an authorized telecommunication officer that there is reasonable cause to believe that in any premises there is established a radiocommunication station without a valid licence or there is installed or worked any radiocommunication apparatus or equipment or there is concealed or deposited any radiocommunication apparatus or equipment used or intended to be used to establish, install, maintain or work a radiocommunication in contravention of this Part, and the authorized telecommunication officer has reasonable ground for believing that by reason of delay in obtaining a search warrant under section 39(2) any such station, apparatus or equipment is likely to be removed or destroyed, the authorized telecommunication officer may enter and search such premises without a warrant and seize any such apparatus or equipment found therein and may detain any person found in such premises.”

Sekiranya kuasa-kuasa sedemikian diberi kepada pegawai-pegawai telekomunikasi untuk memasuki premis-premis persendirian tanpa waran dan menahan orang-orang, maka ia merupakan pencabulan hak, the right to privacy serta kebebasan sivil kerana di dalam satu lagi seksyen baru, iaitu seksyen 45—sesiapa yang cuba menghalang pegawai tersebut daripada memasuki premisnya boleh didakwa, didenda atau dipenjarakan.

Seksyen 45:

“Any person who assaults, hinders, impedes, obstructs, or refuses access to any premises to, any authorized telecommunication officer in the performance of his duties under this Act or any regulation made thereunder shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding three thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both”.

Tambahan pula adalah menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 48 bagi sesiapa yang enggan memberi pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa itu apa-apa maklumat berkaitan dengan satu-satu kesalahan di bawah Akta ini:

“48 Any person who—

(a) subject to the proviso to section 47(2), refuses to give to any authorized telecommunication officer any information relating to an offence under this Act or any regulation made thereunder, etc. etc”.

Undang-undang seperti ini yang membenarkan pencabulan ke atas kebebasan sivil boleh dengan mudahnya disalahgunakan, terutamanya sekali apabila terdapat exclusion clauses yang memberi immunity kepada pegawai-pegawai tersebut seperti tertera dalam seksyen 51:

“51. No action or prosecution shall be brought, instituted or maintained in any court against any authorized telecommunication officer on account of or in respect of any act ordered or done for the purposes of carrying into effect this Act and no suit or prosecution shall lie in any court against any other person for or on account of or in respect of any done or

purporting to have been done by him under any order, direction or instruction of any authorized telecommunication officer given for any such purpose as aforesaid:

Provided that the act was done in good faith and in reasonable belief that it was necessary for the purpose intended to be served thereby.”.

Dalam sebuah negara demokratik, kuasa-kuasa extra judicial seperti ini tidak boleh dipertahankan kerana bukannya alasan dan “in good faith” atau diperlukan dengan niat baik juga dipakai apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri digunakan terhadap Ahli-ahli Parlimen DAP semasa Operasi Lalang. Itu ada kaitan dengan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan buat keputusan sendiri. Teruskan.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, dalam kes-kes semacam ini di mana berlakunya miscarriage of justice, dengan izin, tiada pampasan yang cukup boleh dibayar kepada orang-orang yang menjadi mangsa kepada undang-undang tersebut. Begitulah undang-undang seperti ini dipanggil the law is an ass, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sudah habis berucap?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kalau tiada orang hendak berucap, saya bangun untuk menjawab.

Dr Tan Seng Giaw: Saya hendak berucap.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak bangun dahulu. Saya tunggu, tiada orang bangun, saya bangun sebagai Menteri untuk menjawab.

Dr Tan Seng Giaw: Bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kepong.

4.09 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya adalah tepat, kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini. (*Ketawa*) Kerana dalam Rang Undang-undang ini pada kali yang pertamalah disebutkan "Your Stationary Satellite". Ini memang satu Rang Undang-undang yang penting sejak tahun 1950 lagi tidak ada pindaan ke atasnya dan kerana era komunikasi yang berkembang dengan begitu pesat, kita perlulah ada pindaan.

Walau bagaimanapun, saya dengar tadi ucapan daripada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan hasratnya untuk mengawalselia telekomunikasi di negara ini, lebih-lebih lagi kerana hasratnya untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat komunikasi di rantau ini. Walau bagaimanapun, saya nampak beberapa kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Menteri, Jabatan Telekom memerlukan lebih kuasa serta mandat untuk berfungsi dengan lebih berkesan. Jabatan juga diutarakan sebagai sebuah badan yang tidak memilih kasih dalam pengelolaan keseluruhan industri telekomunikasi di samping berupaya mewujudkan usaha kerjasama dengan negara-negara serta seluruh telekomunikasi lain.

Tuan Yang di-Pertua, kami menyaksikan kebolehan Jabatan Telekom mengekalkan pendirian berkecuali atau tidak pilih kasih dalam pengelolaan industri telekomunikasi, lebih-lebih lagi apabila Kerajaan enggan mengumumkan identiti syarikat yang diberi lesen mengendalikan Information Technology Networking Centre, dengan izin. Kononnya syarikat ini ialah projek pelaburan swasta yang tulen.

Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya projek ini diberi kepada Malaysian International Countertrade Corporation yang membuat permohonan pada bulan September, 1989 dan seterusnya menerima kelulusan pada prinsipnya (in principle) pada bulan berikutan iaitu Oktober 1989. Projek ini akan menjadikan Malaysia sebagai pusat komunikasi di rantau ini atau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the hub of telecommunications in this region, dengan talian telekomunikasi dengan Britain, Amerika Syarikat dan Perancis.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Januari 1990, syarikat ini menerima surat daripada Jabatan Telekom memberitahu penarikan balik kelulusan kerana tindakan sedemikian akan mewujudkan persaingan kepada Syarikat Telekom Malaysia (STM).

Di samping itu, ada beberapa sebab yang mengikut syarikat berkenaan sama-sama belaka diberi dan apabila mereka cuba menghubungi Kementerian untuk mendapat penerangan yang lebih jelas, usaha mereka tidak berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, adakah cara begini Jabatan Telekom bercadang bertindak tidak memilih kasih dan cara berkesan untuk memperkembangkan industri telekomunikasi? Jika segafa urusan menawar projek yang bernilai \$150 juta itu adalah bukan cara yang betul, above board, dengan izin, mengapakah Kementerian enggan mengumumkan nama syarikat yang diberi lesen, mahu pun bersemuka dengan syarikat asal untuk memberi penjelasan? Inikah yang dimaksudkan Kerajaan melaksanakan dasar yang bebas dan cekap?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab mengapa ada satu sikap yang memilih kasih ataupun tidak memberi maklumat yang lengkap, tepat kepada orang ramai, dengan sebahagian besar telekomunikasi di negara ini di monopolikan oleh STM.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal persaingan kepada STM pula, entahlah bila mana syarikat itu benar-benar berdikari dan memonopolinya di atas industri telekomunikasi boleh dilucutkan. Difahamkan bahawa ianya tidak menguntungkan untuk menggalakkan penubuhan syarikat telekomunikasi baru untuk bersaing dengan STM kerana bilangan pelanggan hanyalah lebih kurang 1.2 juta orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelanggan di Malaysia terhad, 1.2 juta sahaja. Mungkin inilah sebab utama yang merangsangkan Yang Berhormat Menteri memelihara STM sebagai satu syarikat yang memonopolikan sebahagian besar perkhidmatan telekomunikasi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya ingatkan jangan terpesong sangat daripada apa yang kita bincangkan.

Dr Tan Seng Giaw: Ini bukan satu kepesongan. Ini benar-benar menyentuh

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berhujah. Teruskan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat yang sama, kita tidak bincang berkenaan dengan lesen yang telah diberi kepada STM. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat atau Ahli Yang Berhormat dari Kepong mencadangkan kepada Kerajaan untuk memberi lebih lesen, itu saya terima. Tetapi jangan cakaplah berkenaan dengan STM, itu monopoli, ini poli, itu poli (Ketawa)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang saya sebutkan di sini ialah isu yang pokoknya pengawalseliaan telekomunikasi. Ini salah satu aspek pengawalseliaan—bagaimana kita memberi lesen,

bagaimana kita menjaga syarikat-syarikat yang diberi lesen itu dan sebagainya. Itu ada kait-mengait dengan tajuk yang dibincangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jauh sangat!

Dr Tan Seng Giaw: Tidak jauh, Tuan Yang di-Pertua. (Ketawa) Tidak jauh, memang tepat dan jitu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu adalah fikiran Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, industri telekomunikasi memerlukan pelaburan modal yang tinggi untuk mengikut pengorakan teknologi. Maka ekonomi bidangan di segi bilangan langganan dengan pelaburan tinggi tidak menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat lain untuk bertanding dengan STM. Kerajaan pula tidak memberi tahu kami saiz minimum pasaran/langganan yang perlu dicapai sebelum penguasaan monopoli STM boleh digugurkan ataupun "Samy poli" boleh digugurkan. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah berbolak-dalik di antara melucut dengan mengekalkan monopoli STM. Pada 16hb Ogos, 1989 bekas Menteri—ini bukan Yang Berhormat Menteri sekarang—bekas Menteri telah mengumumkan bahawa monopoli STM akan kekal. Tetapi pada 12.12.1989 pula dilaporkan bahawa STM mungkin hilang monopolinya di bawah rancangan Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan yang lebih cekap dan mengembang. Selepas ini isu Networking Centre pula menunjukkan pendirian Kerajaan sudah beralih balik kepada mengekalkan monopoli STM.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sepertimana yang telah diputuskan oleh

Tuan Yang di-Pertua tadi, saya rasa isu monopoli STM ini tidak ada kena-mengena dengan apa yang kita bahaskan sekarang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu! Yang Berhormat kena mematuhi apa yang telah diputuskan. Sekiranya ada butiran atau isi kandungan yang lain, sila teruskan. Kalau tidak, saya terpaksa memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk berucap.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini satu mukadimah kepada apa yang saya akan sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mukadimah itu terlampau panjang. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tidak panjang. Mana panjang? Ini tepat. Kerana saya nampak bila saya ucapkan perkara ini, Yang Berhormat dari Gerik itu dia memek. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, walaupun . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, keputusan saya dikekalkan. Sila ambil perhatian

Dr Tan Seng Giaw: Itu Tuhan pun marah, dengan guruh-gemuruh! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Marah kerana Yang Berhormat terpesong sangat daripada apa yang dibahaskan. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Walaupun kami memahami keperluan mencapai ekonomi bidangan lebih-lebih lagi di segi mengesyorkan keperluan sosial, iaitu menyediakan perkhidmatan telekomunikasi kepada kawasan-kawasan luar bandar perlu ditepati, ini tidak semestinya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order, ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Point of order, Tuan Yang di-Pertua, 36(1). Tuan Yang di-Pertua, kita bawa pindaan ini oleh kerana dulu kita ada JTM. Tetapi sekarang ini kita ada JTM dan STM. JTM hari ini menjadi regulatory body. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada sangkut-paut dengan elektrik luar bandar—minta maaf, telekom.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada kena mengena dengan elektrik kerana kita bincangkan perkara telekomunikasi. Kalau Yang Berhormat Gerik hendak pindah ke Kementerian yang lain, itu lain kira. Dia pesong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan dengan apa yang berkait.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap di sini bahawa di negara-negara lain seperti Britain, mereka ada syarikat-syarikat lebih daripada satu untuk mengendalikan hal-hal telekomunikasi di situ.

Dan walau bagaimanapun, di samping itu badan yang ditubuh untuk mengawalseliakan industri telekomunikasi, misalnya di Britain iaitu OFTEL—ini ada kena-mengena dengan pengawalseliaan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu UK Office of Telecommunications (OFTEL) adalah sebuah Jabatan Kerajaan yang bebas daripada kawalan Kementerian dan bertanggungjawab mengawalseliakan serta menguatkuasakan lesen-lesen kepada syarikat yang mengoperasikan sistem telekomunikasi awam. Saya tak tahulah sama ada Kementerian Yang Berhormat Menteri hendak mempertimbangkan cadangan saya untuk mengadakan badan

seperti OFTEL di Malaysia. Itu suatu cadangan yang bernas dan berisi, Tuan Yang di-Pertua . . . (*Disampuk*) Setujulah sekarang, ya! Kerana kalau tidak ada badan yang bebas daripada Kementerian dan juga badan-badan Kerajaan yang lain, yang tidak dipengaruhi oleh sesiapaupun, badan ini boleh mengawalseliakan dengan bebas. Dengan secara bebaslah kita boleh menubuhkan satu sistem telekomunikasi yang boleh menjadi pusat komunikasi di rantau Asia ataupun sekurang-kurangnya Asia Tenggara.

Dalam ertikata misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Britan—penswastaan itu bererti syarikat BT tidak lagi boleh bergantung kepada sokongan Kerajaan dan inipun syarikat-syarikat seperti STM tidak sepatutnya bergantung kepada Kerajaan.

Di Malaysia, saya hendak sebutkan STM kerana STM ini di bawah kawalan, walaupun bukan kena-mengena dengan Kerajaan tetapi di bawah kawalan Kementerian, Tuan Yang di-Pertua. Nama STM itu begitu dahsyat sekali sehingga tidak boleh disentuh langsung dan kedua-dua Menteri dan Timbalannya, tak mahu kita bangkitkan STM langsung. Apa fasal tak tentu arah, tak tentu fasal.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Point of order 36(1), Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah jelaskan kepada Yang Berhormat, dalam perbahasan STM boleh disentuh. Tetapi ada juga aturan. Yang Berhormat boleh minta kepada Yang Berhormat Menteri mengapakah bagi lesen kepada STM tetapi tidak memberi lesen kepada parti yang lain atau syarikat yang lain oleh kerana Kementerian itu mengikuti kehendak undang-undang, soal itu saya bertanggungjawab untuk menjawabnya.

Dr Tan Seng Giaw: Nampaknya dia asyik kepada lesen, Tuan Yang di-Pertua, dengan perlesenan. Baiklah, kalau hendak bincangkan perlesenan, sayapun boleh di sini . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Sebenarnya saya ingin juga menasihatkan Yang Berhormat supaya meneliti Peraturan Mesyuarat 53(3). Dalam perbahasan Yang Berhormat, patutlah menyentuh dasar secara relevan dan bukannya terpesong jauh sangat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, 53 (3)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, tentang baik buruk sesuatu Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tetapi perbahasan saya meliputi asas buruk-baiknya Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi apa Yang Berhormat bangkitkan adalah jauh . . .

Dr Tan Seng Giaw: Tak jauh, ini soal pengawalseliaan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu adalah keputusan Kerusi, diperingatkan dan ini adalah muktamad.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, guruh-gemuruh hendak hujan. Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk mengawalseliakan telekomunikasi, isu lesen yang dikeluarkan oleh pihak Kementeriannya adalah penting, terutamanya kita hendaklah menumpukan perhatian kepada soalan yang pokok bagaimana kita boleh mengemaskinikan Rang Undang-undang ini dan seterusnya mengadakan kawalseliaan yang lebih bermakna, lebih mudah-sama, lebih adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hal merumuskan peraturan-peraturan telekomunikasi dan radio-komunikasi di tangan Menteri, kami pula ingin menyentuh tentang Dasar Kebangsaan Telekomunikasi. Itu dasar mengenai buruk-baiknya, Tuan Yang di-Pertua.

Sehingga hari ini kami masih belum diberitahu kandungan dasar itu. Apakah Dasar Kebangsaan Telekomunikasi, terutamanya mengenai pengawalseliaan. Tidak pernah disebutkan, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Tuan Yang di-Pertua pun berminat untuk mengetahui apakah isi kandungannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tak usahlah melibatkan saya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tolong sedikit, kerana saya nampak akhbar harian pun keluaran kenyataan mengenai isu-isu yang pokok juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat ada idea yang bernas, suarakan sahajalah. Janganlah pergi jauh-jauh sangat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, rumusan Dasar Kebangsaan Telekomunikasi ini mula-mula diumumkan pada 26hb Julai 1989. Kononnya dasar itu akan membolehkan lebih ramai orang memperolehi kemudahan telekomunikasi. Dasar itu juga padat sehingga mempunyai rancangan-rancangan yang sesuai diamalkan sehingga tahun 2,000. Kalau kita hendak adakan unjuran kepada tahun 2,000 patutlah kita umumkan Dasar Kebangsaan Telekomunikasi. Tidak ada? Kalau tidak ada dasar, bagaimanakah kita boleh jadikan negara ini sebagai Pusat Telekomunikasi serantau

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak ada dasar, tetapi tidak ada kaitan ucapan Yang Berhormat dengan Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Dr Tan Seng Giaw: Macam mana tidak ada kaitan kerana Dasar

Telekomunikasi Kebangsaan akan melibatkan aspek pengawalseliaan? Kerana kita boleh mengadakan optic-disk untuk menerima semua satelit daripada pelbagai negara di Malaysia ini. Kalau tidak ada dasar untuk mengawalseliaan sama ada seseorang itu termasuk Menteri boleh membeli bagaimana?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Boleh beri penjelasan, Tuan Yang di-Pertua!

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat dari Kepong tidak tahu apa yang berlaku di dalam tanahair kita. Tanahair kita lebih moden, lebih terkenal, saiz sedikit besar, tetapi memperkenalkan lebih besar. Kita pun ada "disk", Menteripun ada kuasa. Kalau Ahli Yang Berhormat dan juga Menteri termasuk saya sendiri tidak ada kuasa untuk menggunakan disk itu, ada aturan-aturan disk itu boleh diberi kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan sahaja yang boleh dapat. Dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana beliau menjadi Ketua Kerajaan. Selain daripada itu kita beri lesen kepada RTM, kita beri lesen kepada hotel-hotel, sekarang mereka sedang menerima CNN. Yang Berhormat tak masuk dalam hotelkah?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sendiri mempunyai disk seperti ini? Adakah pernah menggunakan disk seperti ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya jelaskan, Menteri sendiri tidak ada kuasa untuk melulus satu lesen untuk kegunaan sendiri. Itu mengikut Undang-undang. Saya mengikut Undang-undang.

Dr Tan Seng Giaw: Soalnya, adakah Yang Berhormat Menteri sendiri menggunakan disk dan juga memperolehi disk sendiri? Dia tidak jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya jawab tadi bahawa saya tidak ada kuasa untuk meluluskan satu lesen untuk mempunyai disk kepada saya, bererti saya tidak mempunyai, itulah dalam Bahasa. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini bukan sessi soal jawab, balik kepada soal pokok yang kita bahaskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soal yang penting kerana ini kena-mengena soal kawalseliaan—disk itu penting. Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak pernah gunakan disk ini, tidak pernah memperolehi disk ini dan tidak pernah menyaksikan apa-apa yang kena-mengena dengan disk ini. Walau bagaimanapun, saya diberitahu, Tuan Yang di-Pertua, disk ini boleh menerima semua stesen di dunia—semua stesen (*Disampuk*) bukan terus ya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan, jangan berdailog.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri memang dari segi ini dia menunjukkan minat dan menunjukkan tanggung-jawabnya kerana ini satu isu yang penting. Walau bagaimanapun, mesti ada satu Dasar Kebangsaan untuk Telekomunikasi yang setakat ini belum diumumkan. Kalau kita tidak ada, mungkin sampai bila pun, sehingga tahun 2000 ataupun 2010 tidak akan menjadikan Malaysia sebagai pusat telekomunikasi serantau.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkembangan yang pesat ke dekad

ataupun era komunikasi ataupun information technology, Tuan Yang di-Pertua, memerlukan tingkat teknologi telekomunikasi yang tinggi dan di segi makro, mungkin juga melibatkan kajian semula peranan serta struktur organisasi telekomunikasi di kalangan negara Komanwel dan juga rantau ASEAN sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi Majlis Telekomunikasi Komanwel melahirkan kebimbangan terhadap dimensi baru di kalangan negara Komanwel yang bersaing sesama sendiri untuk mendapat projek telekomunikasi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah dasar Kerajaan mengenai hal seperti ini terutamanya persaingan sesama sendiri di antara negara-negara Komanwel, khasnya negara-negara ASEAN? Adakah persaingan ini mencapai ke tahap yang begitu teruk sekali hari ini?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kami juga berminat mengetahui rancangan-rancangan Kerajaan untuk menyediakan tenaga kerja berkemahiran khusus dalam pengurusan organisasi telekomunikasi kerana dengan pindaan Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini, kami berharap negara ini dapat melatih dan mengadakan tenaga yang berkemahiran untuk menguruskan segala aktiviti telekomunikasi moden ini sepertimana kita boleh tengok dengan CNN yang walaupun isi kandungan itu kadangkala boleh dipertikaikan, tetapi dari segi telekomunikasi, memang satu pencapaian yang tinggi dengan teknologi yang canggih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi, tetapi kepada perkara yang khusus itu saya akan bangkitkan di dalam jawatankuasa.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

4.36 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Kepong yang telah membincangkan beberapa perkara berkenaan dengan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh saya tadi.

Berkenaan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya tadi, iaitu berhubung dengan pencabulan hak asasi, ada peruntukan yang diberi untuk perlindungan hak asasi dalam Akta ini, iaitu di Seksyen 46 (2), 46(3) dan 46(4) dan Seksyen 51. Ia bermakna tidak seorang pun yang tidak boleh didakwa dan sekiranya ada pegawai-pegawai yang menyalahguna kuasa dengan niat tidak baik boleh didakwa. Itu satu jawapan.

Perkara yang kedua ialah berkenaan dengan Seksyen 31B dan 39A. Berkenaan dengan 31B, ia digunakan hanya bila tidak sempat didapatkan waran dan sekiranya mempunyai masa, waran hendaklah diperolehi dahulu. Mengenai 39A, peruntukannya itu hanya untuk menyelaraskan bahagian telekomunikasi Akta ibu untuk telekomunikasi, iaitu kuasanya sudah ada.

Untuk menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat, alat-alat telekomunikasi ialah bukan besar yang boleh digunakan di tiap-tiap rumah dan selalunya kecil. Jikalau seorang pegawai telekomunikasi dapat tahu ada seseorang yang menyalahguna alat itu, kalau dia memanggil Polis datang ke tempat tersebut, sebelum pegawai Polis datang ke tempat itu, alat itu boleh dipinda ke tempat yang lain. Jadi, itu tidak salah.

Tuan Yang di-Pertua, kita membentangkan beberapa pindaan dalam Akta ini kerana ada berlaku beberapa kesalahan pada masa yang lalu,

iaitu telekomunikasi menjadi satu perkara yang penting, bukan sahaja untuk kegunaan baik, untuk kegunaan Kerajaan dan untuk kegunaan komunikasi di antara satu sama lain, tetapi permainan judi pun boleh juga. Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Singapura dalam usaha membanteras aktiviti pertaruhan haram telah mengetatkan Undang-undangnya iaitu Betting Act dalam tahun 1986, yang antara lain telah meninggikan hukuman denda sehingga \$50,000 atau dua tahun penjara. Selepas itu, ekoran dari hukuman yang tinggi di Singapura, mereka yang terlibat menyeberangi ke Johor untuk meneruskan aktiviti mereka.

Sebagai contoh, dalam tahun 1986, polis telah mengenalpasti beberapa rumah yang mana didirikan stesen perhubungan radio berkaitan perlumbaan kuda haram dan seterusnya menangkap 19 orang di Johor Bahru dan Kuala Lumpur seperti berikut. Ada juga alamat-alamat, tetapi saya tidak mahu beri alamat. Kalau beri alamat, tidak baiklah. Oleh kerana itu, saya percaya kuasa yang diberi kepada pegawai itu lebih penting. Itulah penjelasan yang saya beri kepada Ahli Yang Berhormat. Walaupun kita mempunyai kuasa ini, saya boleh beri akuan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya bahawa kita tidak akan menggunakan kuasa itu untuk menangkap orang yang tidak membuat salah.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada The Rule of Law di negara ini bukan kata Menteri atau Perdana Menteri tidak ada niat yang baik, saya sudah buat perbandingan dengan salahgunaan ISA dalam Operasi Lalang, ada atau tidak ada The Rule of Law di dalam negara ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Seperti apa saya bincang dengan Ahli Yang Berhormat tentang Peraturan Mesyuarat 36(1) tadi sekali lagi saya bangkitkan. Saya bincang dengan Ahli Yang

Berhormat dan jawab kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Akta Telekomunikasi sahaja, bukan berkenaan dengan ISA, saya belum pernah kena tangkap lagi. Kalau kena tangkap, baru saya tahu apa itu ISA. Barangkali saya masuk dalam kem lain kali bolehlah, tetapi sekarang belum lagi.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, suka saya menjawab sedikit berkenaan dengan pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat iaitu mengapakah kita telah mengumumkan berkenaan dengan telekomunikasi hub di dalam tanahair kita yang berharga lebih dari \$150 juta dan beri surat kepada mereka, ya, kita beri surat iaitu kita akan menimbang untuk memberi lesen dalam prinsip jikalau mereka memberi lebih keterangan butir-butir berkenaan dengan apakah perniagaan, apakah alat-alat yang mereka akan mengguna, mereka tidak memberi. Oleh kerana itu lesen itu tidak diluluskan kepada mereka, tetapi ada juga pihak-pihak yang telah menghantar permohonan baru telah diberi kelulusan untuk mengadakan telecommunication hub di dalam tanahair kita. Itu ada dalam proses sekarang. Saya percaya dalam tempoh 6 atau 7 bulan lagi mereka boleh menjalankan perniagaan mereka untuk mengadakan komunikasi antara Kuala Lumpur dengan Paris, dengan New York, dengan Los Angeles dan tempat-tempat yang mana kita boleh dapat semua data-data.

Seperti Ahli Yang Berhormat jadi seorang doktor, ada juga kes seorang pergi ke Los Angeles atau pergi ke Chicago atau Rochester mempunyai semua perkara-perkara berkenaan dengan mereka, seorang yang berpenyakit, kalau Ahli Yang Berhormat suka juga mendapat tahu keterangan-keterangan berkenaan dengan beliau, dari sistem ini Yang Berhormat boleh dapat tahu keterangan, ini semua ada dalam proses sekarang. Ada dasar Yang Berhormat dari Kepong, tetapi kita tidak

mengumumkan apakah kandungan-kandungan dalam dasar itu, saya percaya tidak lama lagi kita akan mengeluarkan satu dasar yang tetap untuk tanahair kita. Selain daripada itu . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sanggup menjawab mengenai Information Technology Networking Centre, ada information hub. Mengapa pihak Kementerian tidak menggubalkan satu dasar dahulu kemudian kita barulah memberi lesen kepada syarikat-syarikat tertentu, jadi kita tidak boleh hendak beri lesen dahulu, kemudian kita balik ke Dewan yang mulia ini untuk mengadakan dasar. Kalau macam ini, itu terbaliklah, songsanglah macam itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sebagai seorang doktor. Pada satu masa yang lalu, kalau saya sakit jantung, saya pergi ke hospital. Pada masa itu saya tidak tahu apa kesalahan dalam hati saya. Tetapi sekarang kita ada juga beberapa teknologi baru iaitu Ahli Yang Berhormat sedar untuk menggunakan teknologi baru sahaja kita buat dasar-dasar, oleh kerana dengan teknologi baru, kita tahu perkara baru itu. Apabila kita dapat perkara baru kita akan mengadakan undang-undang baru, dasar-dasar baru untuk menggunakan, angiogram pada masa dahulu siapa tahu? Angio plastic siapa tahu? Dahulu potong sahaja, buka—tidak tahu boleh jadikah tidak, tetapi sekarang tidak payah. Masuk satu wire di sini pergi ke hati, tengok apa salah dalam hati. (*Ketawa*) Bolehkah kita buat dasar-dasar sebelum kita dapat tahu apakah kandungan dalam dasar itu. Oleh kerana itulah kita belum buat satu dasar yang tetap.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan monopoli oleh STM, suka saya jelas kepada Ahli Yang Berhormat, STM

bukan monopoli seperti satu syarikat memegang semua sekali dalam tangan mereka, sekarang ada juga, pada masa yang lalu apabila STM jadi jabatan Kerajaan mereka telah dapat beberapa kuasa, beberapa kemudahan, beberapa peruntukan. Jadi, mereka jadi satu badan yang besar untuk telekomunikasi. Pada masa sekarang ada juga Uniphone, kita dapat separuh telefon-telefon awam daripada Uniphone beri kepada Sapura, ada juga Art 900 iaitu 900 megahertz telefon baru, syarikat yang lain, tetapi apa yang kita belum punyai iaitu carrier service. Satu carrier sahaja sekarang, carrier itu STM. Siapa yang suka mengguna telefon itu mesti mengikuti dengan carrier dipunyai oleh STM. Tetapi ada juga sekarang banyak permohonan-permohonan untuk mengadakan lesen fibre optics daripada Bukit Kayu Hitam ke Singapura. Dan sambung dengan Singapura dengan Hong Kong, dengan Brunei, dengan Sabah, dengan Sarawak ada juga banyak permohonan. Jadi, saya percaya satu masa akan datang monopoli tidak ada lagi.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kenyataan Yang Berhormat Menteri itu satu berita yang baik juga kerana dia kata monopoli ini tidak akan wujud lagi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar dengan carrier service sekarang yang mesti untung kerana kalau sesiapa sahaja tidak bayar bil, memang dipotong, tidak boleh gunakan lagi service itu. Dan kerana itulah satu perkhidmatan mesti untung bukan 100% sahaja, 1000% untung kerana itulah memang pihak STM ataupun sesiapa yang di belakang itu mempunyai pengaruh yang sangat besar, yang boleh menghalang sesiapa yang hendak menghancurkan monopoli seperti ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi kepada Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat merujuk kepada negeri Britain. Ada juga British Telecoms, satu carrier, Mercury satu carrier lagi. Mereka berdua lawan sekarang. Saya tahu—tunggu sedikit hari lagi, Britain penduduknya berapa juta. Kita baru sahaja 17 juta, kalau ada 25 juta atau 30 juta, orang di Malaysia pun tidak pandai buat lekas-lekas, kena tunggu 10 bulan. Kalau ada mesin, kalau bilangan kita besar—lesen 10 pun boleh beri, 20 pun boleh beri tetapi penduduk-penduduk yang seramai 17 juta sahaja. Saya percaya dalam tempoh masa 2050 barangkali kita ada memberi lesen kepada sekurang-kurangnya 3 atau 4 carrier, boleh laku juga.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, ini jelas menunjukkan pada masa sekarang, mungkin dua, tiga dekad ini kita tidak akan ubah dengan satu syarikat sahaja yang memonopoli perkhidmatan carrier service ini kerana bilangan pelanggan itu hanya lebih kurang 1.2 juta orang sahaja, dia kata kalau ini boleh dilipatgandakan mungkin monopoli ini boleh dipecahkan.

Tuan Yang di-Pertua, itu satu perkara yang penting.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ada juga 1.2 juta pelanggan sekarang tetapi pelanggan dan permohonan yang telah menunggu sekarang lebih dari 300 atau 400. Jadi, apabila tanahair kita mendapat lebih industri, lebih pekerja-pekerja dan juga rakyat jelata dapat lebih gaji, lebih kemudahan, saya percaya tiap-tiap rumah memohon untuk mendapat telefon kepada mereka, saya percaya dua carrier

pun boleh, tiga carrier pun boleh. Kita timbanglah mengikuti dengan masa. Itu penjelasan daripada saya.

Berkenaan dengan Dasar Telekomunikasi, saya telah jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dan pada akhirnya saya suka mengucap tahniah kepada kedua-dua Ahli di atas perbahasan dalam Akta ini oleh kerana hari ini ada dua Ahli sahaja, saya tidak marah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepongkah atau Ahli dari Petaling Jaya. Saya mahu satu perbahasan mengikuti dengan undang-undang yang mana kita boleh juga bahas. Itu yang betul.

Saya beri peluang kepada sesiapa Ahli yang bangun, fasal saya mahu dengar dan saya mahu tahu apakah pandangan Ahli-ahli.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sekarang pun boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya inilah cara Dewan yang mulia ini untuk berbahas. Jadi, saya hendak beri pujian sedikit—syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana dari segi ini dia memahami maksud, fungsi dan peranan Dewan Rakyat. Walau bagaimanapun, satu soalan yang pokok yang belum lagi dijawab iaitu adakah Kementerian bercadang untuk menjadi OFTEL (Office of Telecommunications) sebagai satu badan yang bebas.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada dalam pertimbangan, tetapi kita belum mengambil apa-apa keputusan lagi. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih. Sekianlah, penjelasan daripada saya.

Dr Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Petaling Jaya bangun.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya, sila.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan inpassing sahaja—dalam bahasa Perancis disebut "en passant". Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, bilakah Yang Berhormat Menteri hendak menjawab soalan-soalan yang saya timbulkan di dalam perbahasan mengenai skandal Tenaga Nasional, khususnya, skandal ini telahpun diterbitkan di dalam *Far Eastern Economic Review* pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini tidak ada kaitan dengan Akta ini, tetapi ini ada kaitan dengan Kementerian saya, jadi saya minta peguam saya untuk menjawab apa yang telah diterbitkan di dalam *Far Eastern Economic Review*. Dengan ini saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(*Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 28 —

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 22 bertujuan meminda Seksyen 38 bagi memperuntukkan bahawa mana-

mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Penyiaran

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Fasal berapa Yang Berhormat? Saya tidak dengar.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak dengar? "Fasal 22 bertujuan meminda seksyen 38 bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Penyiaran 1988 untuk memasang, mengendalikan atau berniaga alat penerima siaran radio atau alat penerima siaran televisyen atau mana-mana orang yang dikecualikan di bawah seksyen 15 Akta itu tidaklah perlu memperoleh lesen di bawah seksyen 37(1) untuk memasang, mengendalikan atau berniaga alat-alat penerima sedemikian."

Tuan Pengerusi, kalau seseorang itu tidak perlu mendapat lesen, bagaimana kita dapat mengawalseliakan kerana kita tidak tahu bila dia hendak pasang, apakah yang dia akan beli dan sebagainya. Ini satu perkara yang rumit, dan mungkin Yang Berhormat Menteri berkenaan mempunyai maklumat yang lebih tepat untuk memberitahu Dewan yang mulia ini, bagaimanakah pengawalseliaan dapat dijalankan tanpa lesen seperti ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, pada satu masa yang lalu apabila Kerajaan telah mengumumkan kita tidak payah bayar lesen untuk radio dan telekomunikasi, walaupun Kementerian Penerangan telah mengumumkan berkenaan dengan perkara itu, tetapi mereka tidak mempunyai kuasa pada masa itu oleh kerana lesen-lesen itu adalah termasuk dalam kuasa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Oleh kerana ini menceraikan mereka daripada Akta kita tetapi radio dan telekomunikasi bererti kita akan membuat komunikasi antara satu pihak dengan yang lain dan bukannya kita hanya menerima sahaja. Komunikasi di antara satu pihak dengan

yang lain mesti mempunyai lesen, tetapi untuk menerima sebagai televisyen dan radio, sekarang ia sudah diceraikan daripada Undang-undang ini, maka ia masuk ke dalam undang-undang Kementerian Penerangan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 23 ada menyebutkan: "Fasal 23 bertujuan memasukkan seksyen baru 38A yang memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang boleh dikenakan olehnya, mana-mana orang yang mempunyai lesen untuk memasang atau mengerjakan radiokomunikasi yang dikeluarkan oleh negara yang mempunyai hubungan bersaling dengan Malaysia melalui suatu triti mengenai lesen-lesen sedemikian daripada kuatkuasa seksyen 38."

Saya pun tidak faham apakah triti yang dimaksudkan ini, kerana dengan alat-alat radiokomunikasi yang begitu rumit dan canggih, saya tidak nampak bagaimana kita dapat mengawalseliakan dengan adanya pengecualian kuasa daripada Menteri. Ini terhad kepada triti yang tidak dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, pada satu masa yang lalu, apabila kita mengadakan Mesyuarat G-15 di tanahair kita, pihak Radio dan TV Indonesia telah memasang alat-alat mereka untuk disiarkan daripada tanahair kita terus ke Indonesia tanpa lesen. Walaupun kita dapat tahu selepas itu, tetapi kita tidak memberi lesen kepada mereka oleh kerana mereka menjalankan siaran itu melalui RTM tetapi RTM tidak mempunyai kuasa untuk membuat perkara itu tanpa lesen daripada kita.

Jadi, jikalau ada negara-negara seperti Indonesia, Singapura dan juga negara-negara ASEAN mengadakan satu triti, dan jikalau dalam satu-satu persidangan yang mana kelima-lima atau keenam-enam negara itu masuk dalam

persidangan, authority yang sedia ada di negara itu boleh meminta pengecualian lesen daripada kita untuk menyiarkan rancangan-rancangan daripada tanahair kita kepada negara mereka.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna kalau negara kita, misalnya, Menteri Luar Negeri ada rombongan ke Singapura menghadiri satu persidangan antarabangsa dan mereka membawa alat-alat radiokomunikasi mereka sendiri, adakah mereka sekarang boleh menggunakan alat itu tanpa lesen dan tanpa apa-apa kawalan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bukan tanpa lesen, mereka mesti memohon mengecualikan perkara ini dan Menteri mempunyai kuasa untuk mengecualikan mereka.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, "Fasal 27 bertujuan memasukkan Bahagian baru VI berhubung dengan penguatkuasaan dan penyiasatan oleh pegawai-pegawai telekomunikasi yang diberikuasa. Di bawah Bahagian ini pegawai-pegawai telekomunikasi akan diberi kuasa penyiasatan untuk memastikan penguatkuasaan Akta yang berkesan."

Tuan Pengerusi, sukalah saya bangkitkan di sini, kerana inilah isu yang pokok dan isi kandungan Rang Undang-undang ini iaitu penguatkuasaan yang diberikan kepada pegawai-pegawai. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bahawa pegawai-pegawai manakah yang akan diberi kuasa seperti ini, pangkat dan sebagainya? Ini penting juga, Tuan Pengerusi, kerana inilah isu yang pokok bagi Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai yang telah dilantik untuk mempunyai kuasa seperti itu mesti diberi, dengan izin, identification seperti mereka menjadi pegawai dalam Jabatan Telekom ini untuk memeriksa. Tanpa itu, mereka tidak boleh masuk dalam rumah orang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang itu satu cara yang betul, ada satu card untuk diidentifikasi. Walau bagaimanapun, maksud saya, bukan semua pegawai boleh diberi kuasa untuk menyiasat. Siapakah, apakah pangkat mereka dan sebagainya dan bilangan yang ada sekarang yang boleh diberi kuasa?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, kita mempunyai dua atau tiga pegawai di Kuala Lumpur dan di tiap-tiap negeri, kita ada juga satu atau dua pegawai. Pegawai itu pun tidak mencukupi sekarang. Selepas kita mendapat kelulusan daripada Akta ini, kita akan mendapat pegawai tetap dan juga mereka akan diberi kuasa untuk menjalankan tugas-tugas ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Rompin.

5.03 ptg.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis (Rompin): Tuan Pengerusi, dalam Jawatankuasa ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana membentangkan suatu Akta bagi menyelaras dan mengemaskinikan lagi industri telekomunikasi di negara ini. Khususnya dalam Jawatankuasa ini, saya hendak minta pandangan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri iaitu di bawah seksyen 2 (d) iaitu penakrifan alat telekomunikasi ataupun definition of telecommunication equipment. Di sini saya, dengan izin, "telecommunication equipment" means any equipment used for the purpose of telecommunication. Saya menganggapkan bahawa dari segi peraturannya sudah semestinya Kerajaan ada mempunyai penakrifan dari segi kategori alat-alat yang ditakrifkan sebagai "telecommunication equipment". Pertanyaan saya ialah adakah hanya alat-alat ini dikategorikan sebagai alat telecommunication kalaulah alat ini diikatkan atau connected to the telecommunication network. Kebimbangan saya ialah bahawa adakah

bermakna kerja-kerja kawalselia Kementerian atau Jabatan hanya kepada alat-alat yang diikatkan atau connected to the communication network sahaja. Bagaimana interfacing alat-alat yang lain—secondary interfacing equipment seperti computers? Sebab apa kalau kita lihat dari segi jangka panjang bahawa telecommunication dengan computer itu kadang-kadang macam dia sudah sama. Sudah tidak ada a clear demarcation lagi, apa dia alat komunikasi dan apa dia komputer.

Persoalan saya ialah dari segi ini kita mengalu-alukanlah kawalselia Kerajaan dari segi alat-alat equipment ini tetapi adakah Kerajaan berhajat juga bahawa skop pengawasan kawalselia ini nanti akan juga meliputi alat-alat komputer? Sebab alat-alat komputer macam process control ini yang sebenarnya, dia dengan alat telecommunication tidak ada berbeza. Perbezaannya adalah dari segi fungsi, kadang-kadang fungsinya juga boleh sama dalam application ataupun kegunaan-kegunaan yang tertentu. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua ialah tentang seksyen baru di bawah Part VI—Enforcement, daripada seksyen 44 sampailah kepada 51 dalam Fasal 27. Saya sendiri mengalu-alukanlah usaha Kerajaan menggubalkan suatu Akta untuk memastikan bahawa alat-alat telekomunikasi ini akan diawasi dari segi penggunaannya supaya penggunaannya tidak boleh disalahgunakan termasuk entry to premises, entry pegawai-pegawai Telekom. Tetapi satu persoalan yang saya ingin bangkitkan di sini, harap mendapat sedikit maklumat ataupun penerangan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat dari segi mengawasi bermakna pengawasan kita, kalau dilihat dalam Akta ini, adalah dari segi keselamatan alat-alat sahaja iaitu keselamatan alat-alat telekomunikasi sama ada communication media, the network ataupun interfacing equipment. Tetapi kalau kita lihat di negara luar

bukan sekadar keselamatan alat, keselamatan data sendiri perlu diawasi dan dijaga. Kita sudah dengar bahawa di luar negara di Amerika bagaimana seorang budak sekolah dengan menggunakan PCnya sahaja boleh masuk dan mengambil data-data keselamatan negara dan mengeluarkan data daripada data mengenai pertahanan dan keselamatan ataupun dia memasuki 'a non-approved entry' kepada data base dalam bank dan mereka ini dengan menggunakan PC sahaja boleh transfer wang daripada akaun orang lain kepada akaunnya sendiri.

Persoalan yang saya hendak kemukakan ialah bahawa kita mengalu-alukan usaha Kerajaan dari segi menjaga keselamatan alat-alat, dengan izin, the security of the equipment tetapi bagaimana pandangan Kerajaan sendiri dari segi keselamatan data terhadap a non-authorized entry. Mungkin alat yang dia gunakan itu diiktiraf oleh Kerajaan, network pun diiktiraf oleh Kerajaan, dia bayar bil bulanannya tiap-tiap bulan. Alat pun approved type tetapi kegunaan dia mengambil access data-data yang tidak dibenarkan kepada mereka oleh kerana implikasinya besar. Pertama, dari segi keselamatan dan implikasi yang kedua, dari segi commercial.

Dua perkara ini saya ingin mendapatkan penjelasan dan sekali lagilah, sebelum saya duduk, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dalam usahanya mengukuhkan lagi industri telekomunikasi di negara ini. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat ada meminta berkenaan dengan definisi alat-alat telekomunikasi, saya suka kalau Ahli Yang Berhormat merujuk kepada Akta ibu yang mempunyai beberapa perkara berkenaan dengan apakah alat-alat telekomunikasi.

Akta ibu boleh menjelaskan iaitu Telekom, dengan izin: "Telecommunication means the system for conveyance

through the agency of electric, magnetic, electro-magnetic, electro-chemical or electro-mechanical energy.

- (a) speech, music and other sound;
- (b) visual images;
- (c) signals serving for their impartation whether as between persons and persons, things and things or persons and things or any method otherwise than in the form of sound or visual images;
- (d) signal serving for the exhibition of control of machinery or apparatus.

Ada juga dijelaskan dalam Akta ibu itu.

Berkenaan dengan komputer menjadi alat komunikasi. Ini boleh jadi juga apabila kita mengadakan communication hub seperti apa yang saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat tadi, kita boleh dapat maklumat-maklumat dan butir-butir daripada komputer atau P.C. atau bank yang lain di tempat lain tetapi jikalau mereka tidak ada secret codes. Saya percaya tiap-tiap syarikat akan mengadakan secret codes mereka yang mana siapa-siapa pun tidak boleh masuk tanpa keizinan. Jadi, itu penjelasan daripada saya. Pagi ini, saya beli satu "d-base 4 version 1.1."

Dia ada terhad untuk satu kegunaan sahaja dalam satu mesin. Saya mahu copy itu dalam mesin kecil, tetapi itu sudah rosak dan mesin itu pun rosak—jadi sudah masuk virus. Sekarang, pembuat-pembuat dan syarikat-syarikat dia lebih pandai daripada kita. Oleh kerana itu saya percaya perkara itu tidak boleh dilakukan melalui alat-alat telekomunikasi. Itulah penjelasan saya.

Fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.11 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda dan memperbuat semula undang-undang berhubungan dengan kumpulan wang simpanan bagi orang-orang yang bekerja dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan suatu Akta yang lebih kemas dan menyeluruh bagi urusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Undang-undang yang sedia ada didapati tidak begitu lengkap untuk menampung perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam sistem keselamatan sosial di negara ini. Dengan pengwujudan Akta baru ini, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 adalah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan undang-undang baru bagi urusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah perlu khususnya untuk menampung tujuan-tujuan seperti berikut:

- (1) KWSP merupakan satu institusi sosio-ekonomi bercorak kumpulan wang simpanan (provident fund) yang terulung di negara ini, yang mana berfungsi sebagai pemegang amanah bagi kumpulan wang simpanan ahlinya yang meliputi lebih kurang 84% dari tenaga kerja negara. Sebagai sebuah provident fund yang terbesar di negara ini,

KWSP bertanggungjawab untuk memberi jaminan kewangan semasa persaraan kepada 5.8 juta pekerja yang telah menjadi ahlinya.

- (2) Peranan KWSP ini adalah berasaskan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang yang terkandung dalam Akta KWSP 1951. Walau bagaimanapun, kuasa undang-undang yang sedia ada itu merupakan peruntukan-peruntukan yang berdasarkan kepada prinsip operasi yang diamalkan semasa KWSP ditubuhkan pada tahun 1951.
- (3) Sejak penubuhannya pada 40 tahun yang lalu KWSP telah mengalami perkembangan yang pesat dari segi saiz kumpulan wangnya, bilangan ahli serta jenis-jenis kemudahan dan faedah-faedah pra-persaraan yang diberi kepada ahli-ahlinya. Oleh yang demikian, kuasa undang-undang yang sedia ada itu tidak begitu lengkap untuk membolehkan KWSP menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan serta menghadapi cabaran-cabaran pada masa ini.
- (4) Perkembangan pesat dari segi keluasan dan skop kegiatan KWSP sebagai sebuah institusi keselamatan sosial yang terulung di negara ini, memerlukan jentera dan sistem operasi yang lebih flexible dan lebih kukuh. Dengan itu Rang Undang-undang berkenaan mencadangkan pengwujudan struktur dan jentera pentadbiran institusi KWSP yang sesuai, sama ada di peringkat Lembaga mahupun di peringkat Pengurusan untuk membolehkannya memikul tanggungjawab dan menghadapi cabaran-cabaran di dekad 1990an dan seterusnya.
- (5) Dengan kumpulan yang berjumlah \$46,000 juta, KWSP

merupakan sebuah institusi kewangan yang utama di negara ini, dan merupakan sumber pembiayaan jangka-panjang yang terpenting kepada Kerajaan. Di samping itu, sebagai sebuah institusi bercorak pemegang amanah, adalah menjadi tanggungjawab dan hasrat KWSP untuk menghasilkan pulangan yang berpatutan dan stabil ke atas simpanan ahli-ahlinya.

- (6) Perkembangan dan kemajuan yang pesat dalam sistem kewangan negara telah mendorong KWSP selaku sebuah institusi kewangan untuk memainkan peranan yang lebih aktif dan meluas dalam kegiatan pelaburan tanpa menjejaskan tanggungjawab dan kewajibannya sebagai pemegang amanah serta memainkan peranan yang penting sebagai sumber utama pembiayaan pembangunan jangka panjang kepada Kerajaan. Dengan itu, Rang Undang-undang berkenaan menyediakan peruntukan undang-undang sewajarnya bagi membolehkan KWSP merangka dasar pelaburannya yang memberi pulangan yang berpatutan kepada ahli-ahlinya.
- (7) Pada masa ini bilangan majikan yang berdaftar dengan KWSP berjumlah 175,550. Penyelewengan di kalangan majikan adalah satu masalah serius yang sedang dihadapi oleh KWSP sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Keadaan di mana majikan-majikan yang tidak mematuhi undang-undang dan masalah berkaitan iaitu kegagalan mencarum serta jumlah caruman yang tidak dapat dimasukkan ke dalam akaun ahli telah semakin bertambah. Keadaan ini sekiranya tidak dibendung akhirnya akan menjejaskan hak-hak pekerja

dari segi faedah-faedah keselamatan sosial pada ketika persaraan hari tua kelak. Dalam keadaan sedemikian adalah penting bagi memastikan supaya KWSP mewujudkan satu sistem penguatkuasaan yang lebih berkesan. Oleh itu, Rang Undang-undang berkenaan merangkumi aspek-aspek perundangan yang bertujuan untuk mewujudkan sistem pengawasan dan pengawalan ke atas majikan yang lebih kukuh dan berkesan.

- (8) Dengan penambahan dalam bilangan keahlian yang layak untuk menikmati kemudahan pengeluaran caruman KWSP bagi faedah-faedah prapersaraan, maka kuasa undang-undang yang sesuai perlu disediakan bagi memperkemas-kinikan prosedur-prosedur dan sistem pentadbiran yang lebih berkesan, serta mengadakan sekatan-sekatan untuk mengelakkan berlakunya kes-kes penipuan. Juga kuasa undang-undang yang sesuai perlu disediakan bagi membolehkan tindakan wajar dilaksanakan dengan segera dan berkesan ke atas kes-kes penyelewengan pengeluaran caruman jika berlaku.
- (9) Memperkemas lagi faedah-faedah dan perkhidmatan yang diberi kepada ahli-ahlinya dari segi amaun, faedah-faedah kematian dan hilang keupayaan dan pemberian option kepada semua golongan ahli untuk membuat caruman sukarela atau, dengan izin, voluntary excess contributions.

Dengan demikian, penyediaan Rang Undang-undang ini adalah dibuat dengan mengambilkira faktor-faktor dan kehendak-kehendak yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ini merangkumi beberapa peruntukan-peruntukan utama yang baru untuk memenuhi kehendak-kehendak dan matlamat-matlamat seperti yang dinyatakan sebentar tadi. Peruntukan-peruntukan utama yang baru diwujudkan dalam Rang Undang-undang ini adalah sebagaimana saya akan jelaskan sekarang.

Fasal 2 Rang Undang-undang memberi tafsiran dan definisi yang terperinci mengenai istilah-istilah yang berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh institusi-institusi tersebut. Tafsiran yang luas dan terperinci ini akan memudahkan pelaksanaan peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang itu, antara lain, takrif baru telah diberi kepada perkataan "upah" atau dengan izin, "wages" bagi tujuan pentabiran Akta ini. Ini adalah bertujuan untuk melaksanakan dasar yang telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Belanjawan 1990 di mana semua bayaran bonus sama ada secara kontrak atau sebaliknya hendaklah tertakluk kepada potongan caruman KWSP.

Tujuan kedua Rang Undang-undang ini ialah untuk memperkukuhkan jentera dan sistem operasi KWSP. Ini dilaksanakan dari segi dua tahap iaitu di peringkat Lembaga serta Panel Pelaburan dan juga di peringkat struktur organisasi dan jentera pentadbiran KWSP.

Fasal 4 dan 5 adalah bertujuan untuk menyusun semula keahlian Lembaga KWSP sebagai usaha untuk memperkukuhkan jentera pentadbiran KWSP. Sebagai pihak utama yang bertanggungjawab atas polisi dan pengurusan, Lembaga KWSP memainkan peranan yang penting dalam menjamin pencapaian objektif-objektif penubuhan KWSP iaitu untuk memberi faedah-faedah keselamatan sosial

kepada pencarum-pencarumnya pada masa persaraan kelak. Pada masa ini KWSP mengalami perkembangan yang pesat dalam semua bidang dan oleh itu peranan dan tanggungjawab Lembaga adalah bertambah penting.

Dengan perkembangan pesat yang dialami oleh KWSP dari segi tanggungjawab dan perkhidmatan bagi memenuhi pelbagai kehendak ahlinya, maka adalah sesuai supaya keahlian Lembaga disusun semula untuk menentukan supaya kehendak-kehendak ini dapat dihadapi dengan jayanya. Usaha penyusunan semula dan memperkukuhkan struktur Lembaga adalah dari tiga aspek:

Pertama, pemberian kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik Pengurus Lembaga secara penuh masa atau sebaliknya. Penyediaan peruntukan ini dirasakan perlu untuk menghadapi keadaan-keadaan di mana perantikan sedemikian perlu dibuat berdasarkan kepada kehendak-kehendak KWSP dari segi taraf dan peringkat pembangunan institusi berkenaan.

Aspek kedua ialah pemberian kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik wakil Kementerian Kewangan di Lembaga KWSP sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga sekiranya Pengerusi Lembaga adalah bukan wakil Kementerian Kewangan. Memandangkan bahawa KWSP adalah sebuah badan berkanun di bawah kawalan dan tanggungjawab Kementerian Kewangan, maka dengan langkah ini tugas-tugas pengawasan dapat dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan secara terus dan rapi. Akhirnya, kuasa juga diberi kepada Menteri Kewangan untuk melantik ahli-ahli silih ganti bagi mewakili pihak Kerajaan di Lembaga KWSP sekiranya perlu.

Kedua-dua Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP memainkan peranan dan memegang tanggung-

jawab yang penting bagi menjamin pencapaian objektif-objektif penubuhan KWSP.

Fasal 22 dan 23 Rang Undang-undang menjelaskan mengenai kriteria-kriteria bagi individu-individu yang tidak layak untuk dipertimbangkan bagi tujuan perantikan sebagai ahli Lembaga atau Panel Pelaburan KWSP serta menetapkan keadaan-keadaan di mana perantikan seseorang ahli akan ditamatkan.

Selain daripada itu, Fasal 23 juga mewujudkan peruntukan supaya semua ahli Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP mendedahkan kepentingan, dengan izin, disclosure of interest dengan tujuan untuk mengelakkan berlakunya, dengan izin, conflict of interest di peringkat Lembaga atau di peringkat Panel Pelaburan KWSP.

Fasal 30 hingga Fasal 33 Rang Undang-undang menjelaskan mengenai langkah-langkah yang telah diwujudkan bagi tujuan memperkukuhkan jentera pentadbiran dan struktur organisasi KWSP.

Fasal 30 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik Pengurus Lembaga KWSP untuk bertugas sebagai Pengurus Besar dan melaksanakan tugas-tugas eksekutif sewajarnya.

Fasal 31 merupakan peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengambil tindakan tatatertib ke atas semua pegawai dan kakitangan KWSP. Maka selaras dengan peruntukan Fasal 31, sebuah Jawatankuasa Tatatertib Lembaga akan ditubuhkan. Berkaitan dengan kuasa sebagai pihak berkuasa tatatertib, Lembaga KWSP juga diberi kuasa mengenakan surcharge seperti di Fasal 32. Selaras dengan operasi KWSP sebagai sebuah institusi kewangan, adalah wajar supaya kuasa undang-undang diberi kepada Lembaga selaku

pihak berkuasa tatatertib untuk mengenakan surcharge terhadap mana-mana pegawai atau kakitangan KWSP yang didapati gagal untuk mengendalikan sumber-sumber kumpulanwang yang diamanahkan kepada KWSP dengan cara yang teratur dan jujur. Sebagai usaha untuk memperkemas-kinkan hasrat dan tugas-tugas Lembaga KWSP sebagai badan yang dipertanggungjawabkan dengan kuasa-kuasa mengenai segala hal-hal mengenai pengurusan kakitangan KWSP.

Fasal 33 menghuraikan kuasa penubuhan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Lembaga KWSP serta kuasa-kuasa dan bidang tugasnya termasuk kuasa-kuasa Lembaga untuk mengendalikan urusan-urusan kenaikan pangkat dan rayuan-rayuan mengenai hal-hal kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada ciri penting Rang Undang-undang ini ialah cadangan untuk memperluaskan lagi bidang pelaburan yang boleh diceburi oleh KWSP.

Fasal 26 Rang Undang-undang menetapkan bidang ataupun skop pelaburan yang boleh diceburi oleh KWSP. Pengurusan pelaburan adalah merupakan satu bidang yang amat penting bagi KWSP oleh kerana pendapatan dari pelaburan adalah punca utama yang menentukan kadar faedah yang boleh diberikan kepada pencarum-pencarumnya. Untuk mengoptimalkan pulangan atas pelaburan adalah wajar KWSP meluaskan lagi skop pelaburannya sebagai sebuah institusi kewangan yang berfungsi sebagai pemegang amanah. Dasar pelaburan KWSP hendaklah berasaskan kepada matlamat untuk memperolehi pulangan yang terbaik tanpa melibatkan risiko yang tinggi.

Fasal 26 secara amnya mempunyai dua tujuan. Pertamanya untuk memperluaskan skop dan jenis

pelaburan KWSP dan keduanya, bagi membolehkan KWSP memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai pelabur institusi, dengan izin, institusional investor dalam usaha untuk mewujudkan pasaran modal yang lebih mendalam di negara kita ini. Menerusi Fasal 26, kuasa-kuasa pelaburan KWSP diperluaskan dari segi tiga aspek.

Pertamanya, peruntukan baru tersebut menetapkan had minimum jumlah dana pelaburan KWSP dalam sesuatu tahun yang dikehendaki dilabur atau dilabur semula dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan kepada 50% sahaja berbanding dengan had sekarang sebanyak 70%.

Keduanya, sebagai usaha untuk mempelbagaikan pelaburannya, kuasa diberikan kepada KWSP untuk menceburi dalam pelaburan hal tanah.

Ketiganya, Fasal 26 dalam Rang Undang-undang juga memberi kuasa kepada KWSP tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan untuk melabur dalam pelbagai jenis pelaburan yang khusus, misalnya dalam projek-projek penswastaaan, projek-projek usahasama, pengeluaran sekuriti-sekuriti ataupun bon-bon, instrument-instrument pasaran kewangan yang baru dan sebagainya yang akan memberi pulangan yang positif dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan keempat Rang Undang-undang ini adalah untuk mewujudkan peruntukan-perutukan bagi mengatasi masalah penyelewengan di kalangan majikan. Masalah penyelewengan ini meliputi pelbagai aspek termasuklah kegagalan majikan untuk mendaftarkan pekerja, kegagalan untuk membuat potongan caruman KWSP, kegagalan untuk merimitkan kepada KWSP caruman yang dipotong dari gaji pekerja serta pemberian butir-butir yang salah mengenai pekerja-pekerja.

Masalah penyelewengan di kalangan majikan ialah satu masalah yang makin bertambah, misalnya, pada akhir tahun 1990, sejumlah 41,371 majikan atau 23.7% daripada majikan yang didaftarkan dengan KWSP gagal untuk membayar caruman KWSP.

Keadaan ini diberi perhatian yang serius oleh KWSP oleh kerana kegagalan pembayaran caruman bermakna hak pekerja-pekerja dari segi penerimaan faedah-faedah keselamatan sosial adalah terjejas. Sebagai usaha untuk mengatasi masalah ini, KWSP telah merangka perancangan tindakan, dengan izin, action plan dengan corak three-prong, iaitu penambahan bilangan jawatan-jawatan inspektor KWSP di pejabat-pejabat KWSP di seluruh negara, meninggikan lagi kekerapan pemeriksaan, dengan izin, routine door-to-door inspection serta memperketatkan lagi peruntukan-peruntukan undang-undang mengenai kuasa-kuasa penguatkuasaan, pengawalan dan pendakwaan.

Di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan itu, tanggungjawab dan kuasa-kuasa yang diberi kepada inspektor-inspektor KWSP telah diperluaskan supaya tugas-tugas penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Kuasa-kuasa yang dimaksud dan dihuraikan dalam Fasal-fasal 34 hingga 38 termasuklah kuasa untuk memasuki, menggeledah, merampas, melakukan pemeriksaan ke atas orang-orang yang disyaki dan juga kuasa-kuasa menjalankan soal-siasat dan mendapatkan kenyataan yang boleh diterima sebagai bukti di mahkamah. Kuasa perundangan tambahan juga telah diberi kepada Pengurus Besar untuk bertindak ke atas kes-kes penyelewengan oleh majikan mahupun pekerja.

Mengikut peruntukan seperti di bawah Fasal-fasal 39 dan 40, Pengurus Besar boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana orang sama ada pekerja atau majikan untuk

menyempurnakan maklumat yang dikehendaki atau menghadirkan diri di hadapan Pengurus Besar bagi memberi penjelasan yang dikehendaki.

Di samping itu, dengan perintah mahkamah, Pengurus Besar KWSP berkuasa untuk mengeluarkan kepada Ketua Pengarah Imigresen atau Ketua Polis Negara, sijil yang mengandungi permintaan untuk melarang seseorang meninggalkan negara sehingga segala amaun caruman yang terhutang dijelaskan.

Di samping itu, sebagai usaha untuk memperkukuhkan prosedur-prosedur pendakwaan, Bahagian VII Rang Undang-undang menghuraikan jenis-jenis kesalahan serta penalti-penalti yang berkenaan dan juga kuasa-kuasa mengkompaun.

Selain daripada itu, untuk menentukan masalah, dengan izin, non-compliance di kalangan majikan dapat dikurangkan, maka peruntukan Rang Undang-undang ini seperti Fasal 41 mewajibkan tiap-tiap majikan ataupun pertubuhan perniagaan untuk memaklumkan kepada KWSP tentang pendaftaran atau penubuhannya dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh pendaftaran dengan pihak Pendaftar Perniagaan ataupun Pendaftar Syarikat. Juga dengan penguatkuasaan Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, semua majikan adalah dikehendaki menyediakan dan menyimpan daftar yang mengandungi maklumat mengenai setiap pekerja yang diambil bekerja olehnya. Daftar tersebut hendaklah disimpan bagi tempoh 6 tahun dan daftar tersebut boleh diperolehi bagi pemeriksaan oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan KWSP dalam tempoh tersebut.

Masalah penyelewengan di kalangan pekerja yang bertambah kerap kalinya memerlukan supaya sistem pentadbiran skim-skim pengeluaran caruman KWSP diperkembangkan bagi menentukan supaya

kemudahan-kemudahan pengeluaran tidak disalahgunakan oleh pencarum-pencarum. Fasal 54 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk menentukan sedemikian. Dengan peruntukan ini kegagalan atau menyalahgunakan wang caruman daripada tujuan pengeluaran dibuat merupakan satu kesalahan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, tujuan utama Rang Undang-undang yang dicadangkan itu adalah untuk memperkemas lagi faedah-faedah dan perkhidmatan yang diberi oleh KWSP kepada ahli-ahlinya. Selaras dengan objektif penubuhan KWSP iaitu sebagai sebuah institusi untuk menggalakkan simpanan pekerja bagi tujuan kegunaan masa hari tua mereka, maka peruntukan undang-undang telah diperluaskan supaya option diberi kepada semua kategori ahli-ahli KWSP untuk memilih bagi membuat caruman bulanan kepada KWSP secara sukarela atau, dengan izin, voluntary excess contributions mengikut kadar-kadar yang ditetapkan. Pemberian option ini tidak akan melibatkan tanggungan kewangan kepada manamana majikan oleh kerana option ini hanya boleh dilaksanakan oleh seseorang ahli berkenaan dengan caruman pihaknya sendiri.

Dengan Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, faedah kematian dan faedah kecederaan fizikal dan hilang keupayaan telah diperbaiki lagi dengan meningkatkan had minimum bayaran faedah kematian atau faedah hilang keupayaan dari \$500 kepada \$1,000. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pembayaran yang bermakna diberi kepada ahli-ahli KWSP yang terlibat. Walau bagaimanapun, had maksimum masih dikekalkan sebanyak \$30,000.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Rang Undang-undang itu secara keseluruhannya mengandungi per-

untukan-peruntukan yang sedia ada dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951. Bagaimanapun, kebanyakan peruntukan-peruntukan itu telah disusun semula, diperkemas dan dihuraikan dengan lebih jelas lagi bagi menyesuaikan dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku dari segi keperluan, tanggungjawab dan peranan KWSP sebagai institusi yang terpenting dalam sistem keselamatan sosial negara.

Pengwujudan Akta baru ini akan memansuhkan Akta KWSP 1951 yang sedia ada. Dengan terkanunnya Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 adalah diharapkan pengurusan dan operasi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi dengan tujuan untuk mempertingkatkan peranan KWSP dalam usaha untuk membangunkan dan memajukan sistem keselamatan sosial di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Lumut.

5.37 ptg.

Datin Ling Chooi Sieng (Lumut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya berasa gembira kerana Fasal 54 (3) memberi kuasa kepada Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk meluluskan permohonan seseorang pencarum yang ingin mengeluarkan wang carumannya bagi tujuan membeli atau membina rumah.

Memandangkan harga rumah yang kian meningkat, peruntukan ini adalah amat diperlukan. Tetapi malangnya di negara kita, terdapat ramai pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab dan kita boleh lihat banyak projek perumahan yang terbengkalai ataupun terbiar.

Seseorang pencarum yang ingin sangat mempunyai rumah sendiri mungkin menjadi mangsa projek perumahan terbengkalai kerana dia tergodanya dengan brochure atau risalah keterangan yang menarik. Lalu pencarum tersebut akan tergesa-gesa mengeluarkan wang simpanan di KWSP. Tambahan lagi, oleh kerana kelalaian dan kurang cekap setengah pegawai KWSP yang melepaskan wang caruman pekerja kepada pemaju perumahan, ramai pencarum mendapati bahawa wang caruman mereka telah dibazirkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, pemandu saya adalah salah seorang mangsa gejala ini kerana kelalaian pegawai KWSP. Setelah menandatangani perjanjian penjualan dan pembelian, dia membuat permohonan untuk mengeluarkan sebanyak 40% harga belian rumahnya dari KWSP yang berjumlah \$8,800. Pegawai yang bertugas telah meluluskan keluaran tersebut dan menghantar wang itu terus kepada pemaju itu tanpa mendapat apa-apa bukti yang nyata dari Akitek untuk menentukan tahap atau peringkat pembinaan.

Hakikatnya ialah pemaju perumahan itu tidak membina sebuah rumah langsung dan sehingga hari ini projek tersebut masih belum bermula. Pemandu saya masih tidak mempunyai rumah tetapi dia telah hilang \$8,800.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu berapa ramai pencarum KWSP lagi yang telah menjadi mangsa seperti pemandu saya. Saya percaya berjuta-juta ringgit wang pencarum KWSP telah lesap oleh kerana kecuaiannya pegawai-pegawai KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, saya ingin membuat cadangan kepada Menteri berkenaan bagi maksud Fasal 73, undang-undang mestilah digubal untuk melindungi pencarum-pencarum KWSP yang mengeluarkan wang caruman KWSP bagi tujuan membeli atau membina rumah. Peraturan-peraturan yang jelas dan tidak meragukan hendaklah ditetapkan. Dengan tujuan itu, saya cadangkan sebuah jabatan ditubuhkan untuk mengawal dan menyelia pengeluaran wang caruman.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 54(5) hanya memperuntukkan untuk mengembalikannya wang atas apa-apa sebab di mana seseorang pencarum tidak dapat menggunakan amaun yang dikeluarkan atau mana-mana bahagiannya untuk membeli atau membina rumah. Fasal ini tidak mengambilkira keadaan di mana seseorang pencarum menjual rumahnya. Saya cadangkan pencarum tersebut patutlah memulangkan wang yang dikeluarkannya kepada KWSP semula setelah menjual rumahnya. Jika dia mendapat keuntungan, biarlah dia menyimpan hasil keuntungannya.

Saya juga ingin menggesa Kerajaan memberi kuasa kepada Lembaga KWSP untuk meluluskan keluaran wang caruman bagi maksud pendidikan anak-anak pencarum. Ramai pencarum menghadapi masalah kewangan dan berbagai kesukaran apabila anak-anak mereka memasuki universiti atau institusi pengajian tinggi di dalam mahupun di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, investment atau pelaburan di dalam segi pendidikan anak-anak mereka adalah lebih penting daripada sebarang pelaburan lain yang dibuat oleh seseorang pencarum di dalam hidupnya. Saya cadangkan satu Fasal Kecil atau Sub-Clause ditambah kepada Fasal 54 dengan memberi kuasa kepada Lembaga KWSP untuk meluluskan keluaran wang caruman bagi tujuan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menggesa Kerajaan membuat peruntukan undang-undang untuk membolehkan wang caruman dikeluarkan bagi tujuan melabur dalam amanah saham atau sebarang saham yang dibenarkan oleh KWSP. Ini adalah kerana pencarum-pencarum perlu diberi peluang untuk menikmati pertambahan nilai saham-saham yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Asalkan peraturan-peraturan dikuatkuasakan dan dipatuhi, tidak mungkin berlaku apa-apa spekulasi. Pasaran saham di negara kita juga akan menikmati satu lagi sumber modal. Setakat itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

5.27 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya sentuh dalam persoalan ialah apa yang sedang kita bincangkan iaitu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalukan pembentangan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 yang telah sedaya upaya pihak Kerajaan telah mencuba untuk mengemaskinikan undang-undang KWSP bagi menggantikan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 yang tidak begitu lengkap, di mana Rang Undang-undang yang baru ini dengan diberi nama baru iaitu Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun disebut sebagai Lembaga KWSP sebagaimana yang dijelaskan dalam Fasal 58:

Cuma apa yang saya ingin menimbulkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi bahawa

terlalu banyak mereka yang tidak menjelaskan pencaruman mereka kepada KWSP sehingga bagi mengatasi persoalan yang sedang dihadapi oleh pihak KWSP, maka pihak Jabatan ini akan menambahkan beberapa pegawai-pegawai bertugas bagi menyelesaikan permasalahan yang sedang dihadapinya.

Kalau tidak salah saya dan sebagaimana saya diberi-fahamkan bahawa setakat ini tidak kurang daripada 150,000 orang di mana mereka ini adalah tergolong daripada golongan-golongan yang tertakluk kepada Akta yang lama iaitu Akta Kumpulan Wang Simpanan 1951, di mana mereka ini berhak untuk menuntut wang mereka yang sedang disimpan, yang sedang berada di Jabatan KWSP, di mana 150,000 orang ini masih tidak menuntut wangnya sehingga sekarang ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang perlu diambil dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyampaikan wang yang masih tersimpan, yang masih di tangan Jabatan ini kepada mereka yang berhak menerimanya. Wang ini sebenarnya bukanlah wang kepunyaan KWSP, tetapi ini adalah merupakan wang kepunyaan pencarum dan saya rasa kerana wang ini adalah kepunyaan mereka, kita telah diberi-amanahkan untuk memegang wang mereka. Tetapi persoalan yang timbul sekarang wang itu tidak dituntut kepada kita dan saya rasa persoalan yang ada sekarang ini ialah tuannya ada, orang punya wang itu ada. Kalau ada najisnya mesti ada lembunya, kalau tidak ada lembu, mungkin anak lembu dan begitu juga anak pencarum ada—mereka yang berhak menerima pesaka itu saya kira ada. Saya kira perlulah pihak Jabatan ini mengambil langkah yang positif bagi mengesan di manakah tuannya hak ini berada sekarang ini. Kalau tuannya hak tidak ada, mesti ahli warisnya ada dan mestilah disampaikan wang itu kepada yang empunya hak.

Persoalan yang kedua yang saya ingin menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah persoalan sebagaimana yang ditimbulkan oleh pihak Timbalan Menteri tadi iaitu tentang Fasal 26 iaitu untuk meluaskan lagi bidang pelaburan KWSP. Sebagaimana kita tahu, pelaburan terkumpul KWSP sehingga setakat ini iaitu sebagaimana yang dijelaskan tadi ialah sebanyak \$46 ribu juta. Saya rasa itu adalah satu angka yang paling membanggakan kita, satu jumlah yang cukup besar.

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh pihak Timbalan Menteri dalam soal-jawab dalam beberapa hari yang lepas, pihak Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa nilai semasa saham KWSP iaitu sehingga 31hb Disember, 1990 atau ekuiti saham KWSP sehingga ini ialah \$1,064 juta, di mana modal yang sebanyak ini telah dilaburkan di dalam beberapa institusi. Institusi yang terbesar ialah institusi perindustrian iaitu sebanyak 50.3% dan institusi yang kedua ialah institusi kewangan sebanyak 31.8% dan yang baki lagi ialah institusi-institusi lain seperti tanah dan sebagainya.

Apa yang ingin saya timbulkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah sebab yang melabur ini adalah bukan sahaja orang yang tidak beragama Islam, tetapi kemungkinan saya tidak tahu angka mana lebih banyak, orang yang beragama Islam dengan orang yang tidak beragama Islam yang telah membuat pelaburan dalam KWSP, saya tidak tahu dan saya minta penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri kalau boleh memberi penjelasan pada hari ini.

Persoalan yang ingin saya timbulkan, sebab saya melihat di sini ialah pihak KWSP telah melibatkan pelaburannya dalam institusi-institusi yang tidak halal dari segi hukum agama. Saya rasa persoalan ini perlu diikuti. Saya rasa kalaulah pihak Tabung Haji telah mampu untuk melibatkan bidang pelaburan ini di bidang-bidang yang halal, begitu

juga Bank Islam dan sebagainya, kenapa tidak KWSP? Tambah lagi Menteri yang akan menjadi Menteri Kewangan yang akan bertanggungjawab secara langsung yang diberi hak, wenang yang agak besar dalam peraturan baru ini, saya rasa mereka akan bersetuju dan saya mencadangkan di sini supaya pihak Kementerian untuk mengkaji kembali pelaburan-pelaburan yang telah dibuat selama ini dan walaupun sebagaimana perluasan yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian, biarlah perluasan itu dalam batas-batas yang dihalalkan oleh agama kita, agama Islam.

Selain daripada itu, ingin juga saya bertanya pihak Timbalan Menteri berapa peratuskah pelaburan-pelaburan yang dilakukan oleh pihak KWSP kepada Bank Islam yang ada dalam negara kita sekarang ini?

Persoalan yang terakhir ingin saya timbulkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dalam Bahagian VI Fasal 54, saya rasa fasal ini adalah agak lebih luas daripada Akta yang lama di mana saya ingin membaca sedikit dan saya ingin membuat sedikit komen apa yang termaktub di sini di mana Fasal 54 memperuntukkan bahawa tiada pengeluaran boleh dibuat daripada Kumpulan Wang kecuali dengan kebenaran Lembaga dan tiada kebenaran tersebut boleh diberi melainkan jika Lembaga berpuas hati bahawa (a) ahli Kumpulan Wang itu telah mati; (b) ahli Kumpulan Wang itu telah mencapai umur 55 tahun.

Kenapa kita buat umur 55 tahun sedangkan saya rasa kelmarin kita bincang masalah pencen, di mana orang yang berhak pencen ini kita telah menurunkan kepada 40 tahun. Kenapa masalah KWSP ini kita tidak turunkan? Sepatutnya kita turunkan jangka batas umur. Kalau peraturan dalam Akta lama 55, dan kita buat sekarang juga 55 tahun, ertinya kita mengikuti Akta lama. Sebab KWSP sekarang satu institusi yang kaya, begitu sekali banyak harta yang dimiliki

oleh KWSP, saya rasa KWSP tidak akan bankrap, tidak akan mati walaupun batasan umur untuk mendapatkan hak KWSP itu telah diturunkan daripada umur 55 tahun kepada umur 45 tahun ataupun 40 tahun.

Persoalan yang dihadapi oleh pencarum sekarang ini misalnya orang yang telah berhenti bekerja ataupun orang yang telah diberhentikan daripada pekerjaan mereka. Jadi, apabila dia berhenti bekerja atau diberhentikan daripada pekerjaan, ertinya dia menghadapi masalah, terutama masalah kewangan. Jadi, wangnya ada di KWSP —wangnya itu ada, tetapi wangnya itu tidak boleh diambil. Itu persoalannya yang ada sekarang sebab kita lihat di sini, tidak ada satu peruntukan yang membolehkan. Yang ada peruntukan di sini, misalnya orang yang cacat fizikal dan mental mereka dan sebagainya, orang hendak buat rumah sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi supaya ditambahkan di sini untuk kepentingan menyambungkan pelajaran, pendidikan dan sebagainya. Saya rasa perlulah ditokok tambahkan dalam fasal ini persoalan-persoalan seperti itu, iaitu kepada mereka yang memerlukan kewangan. Saya rasa pihak KWSP boleh hantarkan pegawai untuk membuat penyiasatan kepada mereka.

Saya dijumpai oleh dua orang suami isteri yang telah berhenti kerja. Jadi, suaminya bekerja tetapi disebabkan perkara-perkara tertentu beliau berhenti kerja. Kemudian, isterinya juga mengikuti langkah suaminya berhenti kerja. Walaupun pemberhentian mereka bekerja itu mendapat tentangan dari ibu-bapa dan mertua mereka, tetapi mereka mengambil sikap untuk berhenti kerja, sebab mereka berpendapat mereka lebih baik untuk berhenti bekerja untuk mencari ketenangan dari kegelisahan yang mereka hadapi.

Akhirnya persoalan yang mereka hadapi, mereka tidak ada sumber-sumber kewangan yang lain. Cuma

mereka bekerja sekarang, mereka buat kuih. Jadi, pendapatan berapa ringgitlah sehari dan sebagainya. Kalau dahulu sebelum mereka meletakkan jawatan, gaji isteri dan suami itu menjangkau kepada \$3,000 lebih sebulan, tetapi mereka sekarang mendapat hanya keuntungan hasil daripada jualan harian itu hanya sekitar \$5 kepada \$15 satu hari. Tidak mencukupi, sedangkan mereka mempunyai anak. Tetapi bila mereka pergi kepada pihak KWSP dan mengadu apa yang mereka hadapi, aduan mereka tidak dapat dilayani oleh pihak kakitangan dan pegawai-pegawai KWSP sebab dalam peraturan KWSP tidak ada peruntukan untuk membolehkan mereka mengeluarkan wang dari KWSP walaupun wang mereka itu ada dalam KWSP.

Jadi, KWSP ini sebagai pemegang amanah, kita mesti melihat kepada konsep pemegang amanah. Tidak ada sebab duit orang kita pegang, kita memperniagakan duit orang di atas persetujuan mereka kerana Undang-undang yang menetapkan demikian, tetapi apabila mereka meminta wang mereka, kita tidak mahu kasi. Saya rasa ini tidak betul. Undang-undang seperti ini adalah satu Undang-undang yang tidak up-to-date, dengan izin, yang tidak rasional, yang tidak mahkhul. Saya rasa pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri orang yang bijaksana, yang pandai, yang banyak ilmu pengetahuan di bidang ekonomi, saya rasa tahu dalam masalah ini dan sebagainya.

Saya rasa kalau saya bercakap pun di sekitar itulah supaya pihak KWSP memberi pembelaan kepada mereka yang betul-betul susah untuk mendapatkan wang mereka, bukan untuk mendapatkan wang daripada Menteri Pendidikan, bukan, tetapi untuk mendapat wang mereka daripada KWSP. Saya rasa tidak ada sebab kita tidak boleh mengeluarkan wang kepunyaan seseorang sebab wang itu adalah hak mereka. Kita ini adalah sebagai pemegang amanah. Kita ini ialah

sebagai pemegang amanah dan kalau kita lihat sebagai pemegang amanah tetapi tuannya hak dari segi authoritynya, dari segi powernya merekalah yang lebih berhak daripada kita.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bayan Baru.

5.59 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam membahar tentang Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Sepertimana kita telah dimaklumkan tadi bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menggantikan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 dan boleh dikatakan 40 tahun sudah berlalu sejak pelaksanaan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951.

Oleh yang demikian Rang Undang-undang ini yang kemudian akan menjadi Akta baru perlulah memberi satu pernafasan yang baru, dengan semakan yang teliti, ia bukan hanya sekadar sepertimana yang kita dimaklumkan tadi untuk mengukuhkan lagi pentadbiran KWSP untuk memberi penekanan kepada penguatkuasaan dan untuk membanteras segala penyelewengan yang dilakukan oleh majikan-majikan. Rang Undang-undang ini yang akan menjadi Akta yang baru perlu juga memberi penekanan kepada segala faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan yang boleh dinikmati oleh pencarum-pencarum dan antaranya telahpun disebutkan tadi dan saya akan cuba huraikan perkara-perkara lain yang belum disebutkan nanti apabila saya membincangkan Fasal-fasal yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 2 yang disebutkan tadi tentang takrif "upah", ingin saya nyatakan di sini

bahawa berbagai penyelewengan sedang berlaku disebabkan majikan-majikan cuba mengelakkan diri mereka daripada membayar caruman kepada KWSP dengan cara yang betul ataupun ada majikan-majikan dengan secara sengaja mengelakkan daripada membuat bayaran kepada caruman pekerja ke dalam KWSP.

Saya berbangga dengan cadangan iaitu "upah" ditakrifkan termasuk bonus yang dibayarkan kepada pekerja-pekerja. Tetapi di sini tidak termasuk bayaran seperti caj perkhidmatan, bayaran lebih-masa, ganjaran ataupun faedah persaraan. Saya tidak mahu mempertikaikan kesemua tetapi sekurang-kurangnya saya ingin beritahu bahawa ada bayaran-bayaran elaun tertentu yang dibayar dengan kadar yang tetap, yang dibayar tiap-tiap bulan, yang dianggap sebagai take home pay, dengan izin, kepada pekerja-pekerja. Ada majikan-majikan membayar kepada pekerja-pekerja mereka elaun perjalanan atau transport allowance, dengan izin, dibayar pada tiap-tiap bulan, tidak mahu dimasukkan kepada gaji kerana mahu mengelakkan daripada bayar caruman EPF ataupun KWSP yang tinggi. Elaun-elaun tetap ini banyak berlaku selain daripada transport allowance yang saya sebutkan tadi yang dibayar pada tiap-tiap bulan kepada pekerja-pekerja, elaun motosikal dan lain-lain.

Kemudian, satu perkara iaitu berhubung dengan bayaran lebih masa. Ada majikan-majikan ataupun syarikat-syarikat yang sengaja tidak mahu mengambil pekerja dengan secukupnya mengikut keperluan tenaga dalam sesebuah tempat kerja ataupun syarikat. Mereka sengaja menggunakan tenaga pekerja yang kurang dengan menggalakkan kerja-kerja lebih masa dan mereka membayar lebih masa kepada pekerja-pekerja yang sanggup ataupun yang dipaksa bekerja lebih daripada waktu bekerja yang ditetapkan, biasanya 8 jam. Jadi, kerja-kerja lebih masa ini berlaku sepanjang masa, setiap

hari. Dan mereka sedar bahawa bayaran lebih masa ini tidak perlu dibayar ataupun dicarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ini satu perbuatan dengan sengaja, dengan terus terang bertujuan untuk mengelak caruman kepada KWSP dan ini berlaku secara berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang mungkin tidak disedari oleh pihak Kerajaan bahawa banyak syarikat-syarikat sekarang ini menjalankan kerja, kerja-kerja tetap, kerja-kerja yang boleh dibuat oleh pekerja-pekerja tetap tetapi dibuat secara kontrak. Bukan maksud saya kontrak ini, kerja potong rumput ataupun kontrak kantin—tidak. Maksud saya ialah kerja harian, kerja yang boleh dijalankan oleh pekerja-pekerja tetap tetapi diambil pekerja melalui kontraktor-kontraktor tertentu untuk menjalankan operasi kerja itu. Malangnya kontraktor-kontraktor ini telah menekan pekerja-pekerja mereka dengan tidak membayar caruman kepada KWSP, maksud saya pekerja kontraktor, bukan syarikat itu. Sebab syarikat tidak ada kaitan dengan pekerja-pekerja yang bekerja di bawah kontraktor atau di bawah pengelolaan kontraktor. Jadi, pekerja-pekerja ini juga tidak dibayar sebarang caruman kepada KWSP.

Saya berharap, saya tidak mahu berhujah panjang berhubung dengan takrif “upah” ini, sebab ada lain-lain hal yang hendak disebutkan, saya berharap pihak Kementerian Kewangan dapat menyemak kembali takrif “upah” ini yang tidak termasuk perkara-perkara yang saya nyatakan tadi, terutamanya berhubung dengan bayaran lebihmasa. Keduanya, elaun-elaun tetap yang dibayar kepada pekerja-pekerja pada setiap bulan. Dan ketiganya, pekerja-pekerja yang bekerja di bawah kontraktor-kontraktor di dalam sesebuah syarikat yang menggunakan perkhidmatan pekerja-pekerja kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh tentang Fasal 4 berhubung dengan keahlian Lembaga. Kita sedar dan kita akui bahawa apa jua

wang yang terkumpul di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah wang yang datangnya daripada majikan dan pekerja, sama ada majikan membuat caruman bahagiannya dan selain daripada itu pekerja yang membuat caruman bahagiannya, wang itu sebenarnya adalah wang pekerja. Oleh yang demikian, pekerjalah harus menunjukkan minat mereka yang lebih, mengambil bahagian yang lebih kepada semua urusan yang dikendalikan oleh Lembaga KWSP. Sudah tentu, kita telah dimaklumkan tadi, pekerja sekarang ini yang menjadi ahli kepada KWSP adalah seramai 5.8 juta orang—84% daripada tenaga pekerja di negara ini.

Kita juga telah dengar tadi bahawa wang ataupun aset terkumpul dalam KWSP sudah sampai kepada \$4.6 bilion. Ini satu jumlah yang besar dan semua wang ini adalah wang pekerja, bukan wang daripada kumpulan ataupun tabung wang yang disatukan, bukan daripada wang Kerajaan. Wang ini wang pekerja maka pekerja patut diberi peluang yang lebih luas, yang lebih besar bagi sama-sama mengendalikan Kumpulan Wang ini bersama-sama kumpulan pakar dan kumpulan-kumpulan yang boleh membantu ke arah memajukan ataupun mengawal Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini.

Kita lihat majikan yang cuma disebutkan tadi, ada seramai lebih kurang 175,050 berbanding dengan pekerja yang meliputi seramai 5.8 milion itu, kita lihat keahlian pihak pekerja ini adalah tidak patut, majikan diberi tempat lima orang di dalam keahlian ini, pekerja juga diberi tempat lima orang dan tidak termasuk lain-lain pihak yang dilantik oleh Menteri Kewangan. Saya rasa kita perlu disebabkan wang ini wang pekerja, maka Kerajaan perlu memberi, sebab wang ini bukan wang Kerajaan seperti wang Tabung Pencen. Semalam kita bincang begitu hangat tentang wang Tabung Pencen dan ini adalah wang pekerja.

Maka saya harap pihak Kementerian dapat mengkaji semula supaya pekerja diberi peluang yang lebih dalam memainkan peranan mereka di dalam Lembaga dan termasuk juga di dalam Panel Pelaburan. Kita memerlukan segala bentuk pelaburan walaupun pihak pekerja mungkin bukan golongan yang pakar dalam segi ekonomi, mungkin mereka tidak mempunyai ilmu yang cukup tentang pelaburan, sekurang-kurangnya mereka tahu, mereka dapat menjadi pengawas dalam Panel Pelaburan ini untuk mengetahui apakah bentuk-bentuk pelaburan yang hendak dilabur oleh Panel Pelaburan ini dan tidaklah semata-mata pihak yang lain, yang tidak ada apa-apa kena mengena dalam Kumpulan Wang ini menentukan bentuk jenis pelaburan yang hendak dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mengingatkan, kita tidak mahu lagi melihat satu skandal kewangan seperti isu MAKUWASA berlaku lagi. Bila sudah berlaku, sudah terlambat. Sekurang-kurangnya pihak pekerja, dia tahu ke manakah wang itu hendak dilaburkan dan tidak ada lagi sekali peristiwa yang tidak diinginkan seperti isu MAKUWASA itu berulang lagi. Kita berharap supaya Panel Pelaburan KWSP ini hendaklah juga diberi peluang keahliannya kepada pihak pekerja kerana di sini tidak ada langsung. Tadi, yang Lembaga itu, boleh tahan juga, ada 5 orang. Dalam Panel Pelaburan, langsung tidak ada wakil pekerja. Apakah ini bertujuan untuk mengambil wang pekerja dan membuat sesuka hati kerana pekerja tidak diberi peluang. Pekerja tidak diberi peluang untuk memberi pendapat mereka jika sekiranya mereka mendapati bahawa pelaburan-pelaburan itu mungkin tidak sesuai dengan kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Fasal 26 juga berhubung dengan pelaburan Kumpulan Wang ini, saya rasa masa sudah sampai. Disebabkan

Kumpulan Wang ini mempunyai aset yang begitu besar maka apa jua pelaburan yang kita hendak mencebur, biarlah kita memberi satu penekanan serta menitikberatkan tentang pelaburan yang boleh membawa faedah dan keuntungan kepada pekerja-pekerja. Di sini saya ingin sarankan bahawa biarlah Kerajaan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini mengambil dayausaha untuk melaburkan wang ini secara yang besar, cara yang banyak bagi menentukan pekerja-pekerja di negara ini dapat menikmati hak bagi memiliki rumah sepertimana yang disebutkan tadi, iaitu pinjaman.

Saya tidak mahu sebut tentang pinjaman untuk membeli rumah. Tetapi pelaburan yang luas boleh dibuat untuk membina rumah secara yang besar-besaran, sepertimana yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Singapura. Ini bukan satu perkara baru. Jadi, bila wang ini digunakan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membina rumah untuk kepentingan pekerja-pekerja maka lebih mudah pekerja-pekerja dapat memiliki rumah. Kemudian mereka dapat harga yang berpatutan, kemudian mereka gunakan wang mereka daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan mungkin mereka tidak payah bayar satu kadar faedah yang tinggi kerana kita cukup wang. Mengapa wang ini hendak dilaburkan pada tempat-tempat lain yang memberi lebih keuntungan kepada pihak lain? Dan akhirnya KWSP hanya mendapat interest atau faedah daripada pelaburan-pelaburan melalui berbagai amanah-amanah saham. Kalau kita buat pelaburan yang terus bagi memberi faedah kepada kaum pekerja, saya rasa kaum pekerja lebih berbangga dan lebih berpuas hati dan ini menjadi satu tugas yang akan dihargai oleh pekerja-pekerja kepada Kerajaan. Saya percaya ianya juga menjadi tujuan Kerajaan untuk memberi peluang selalu luasnya supaya semua pekerja-pekerja di negara ini berpeluang untuk memiliki rumah sendiri kerana itu adalah menjadi sebagai satu hak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh tentang pelaburan-pelaburan lain yang saya rasa masih menjadi begitu was-was iaitu berhubung dengan Fasal 26 (d), (e) dan (f), yang mengatakan wang ini hendaklah:

- “(d) dilaburkan secara pinjaman kepada sesuatu syarikat diluluskan atau secara pembelian syer-syer dalam sesuatu syarikat diluluskan;
- (e) dilaburkan secara pinjaman perumahan khas kepada sesuatu syarikat yang diluluskan; atau
- (f) dilaburkan dalam mana-mana sekuriti lain atau apa-apa usahasama atau menyertai apa-apa program penswastaaan atau apa-apa bentuk pelaburan yang lain sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri: ”

Ini adalah, saya rasa satu cara pelaburan ataupun pinjaman yang tidak boleh memberi jaminan kepada keselamatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini. Saya berharap jika sekiranya perkara ini diluluskan, walaupun sekali diluluskan, Kerajaan hendaklah berhati-hati dalam menggendalikan Kumpulan Wang ini melalui pelaburan ataupun pinjaman yang saya sebutkan tadi kerana kita tidak mahu satu keadaan yang mana wang-wang pekerja yang banyak begitu terkumpul dan akhirnya yang mendapat faedah yang besar bukanlah pekerja tetapi syarikat-syarikat yang mempunyai hubung-kait yang baik dengan pihak Kerajaan untuk mendapat kemudahan daripada wang yang terkumpul ini.

Sepertimana yang kita lihat, pada masa yang lepas kita telah banyak membeli saham melalui G.T. Securities sebagai stockbrokers. Saya percaya komisyen dan keuntungan yang telah diperolehi oleh G.T. Securities ini begitu besar, walaupun saya tidak tahu jumlahnya, kerana ini ada hubung-kait dengan pihak Kerajaan untuk memberi

kelulusan kepada G.T. Securities untuk mengendalikan hal-hal saham yang telah dibelikan oleh KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Bahagian V iaitu berhubung dengan caruman-caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta Fasal 43, berhubung dengan Jadual Ketiga. Kita lihat kadar caruman yang disenaraikan di bawah Jadual Ketiga adalah satu kadar yang ditetapkan, kalau tidak silap saya, 10 tahun dahulu. Kalau tidak salah saya, saya rasa lebih kurang sudah 10 tahun dahulu kadar caruman itu telahpun ditetapkan iaitu 9% dibuat oleh pekerja dan 11% dibuat oleh majikan. Kadar ini sudah menjadi satu kadar yang lapuk dan perlu disemak semula. Ia perlu disemak semula.

Kalau kita buat perbandingan dengan Singapura, di Singapura, majikan mencarum sebanyak 20% daripada gaji pekerja dan pekerja pula mencarum sebanyak 15% daripada gaji mereka yang menjadi 35% jumlahnya, sedangkan di negara kita masih ditakuk yang lama 20%—9% dari caruman pekerja dan 11% dari caruman majikan. Saya rasa ini perlu disemak. Sekurang-kurangnya kita boleh naikkan, kalau tidak 35% pun, kepada 25% atau 30%. Saya bukan hendak cadang satu kadar yang tetap. Tetapi kadar ini perlu disemak dan dinaikkan kerana 20% yang ada sekarang ini terlalu rendah. Simpanan oleh pekerja-pekerja yang dicarumkan oleh pekerja dan majikan untuk masa tua mereka, bagi mereka yang berpendapatan rendah terlalu sedikit. Apabila mereka sampai ke umur persaraan, wang itu tidak begitu cukup untuk memberi satu keselamatan sosial yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Ia tidak menjadi satu keselamatan yang kukuh bagi mereka yang berpendapatan rendah. Kita perlu semak semula dan naikkan kadar caruman ini kepada satu kadar yang lebih munasabah supaya ia

boleh benar-benar memberi faedah untuk masa tua, terutamanya bagi pekerja-pekerja dalam golongan pendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Ahmad bin Nor: Panjang juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tak bolehkah Yang Berhormat pendekkan sedikit, sebab besok ada satu hari sahaja lagi dan kita ada beberapa Rang Undang-undang yang kena dihabiskan.

Tuan Ahmad bin Nor: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, ada satu usul yang hendak dikemukakan.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya. Sebab, saya rasa ini satu Rang Undang-undang yang penting, kerana ini satu Akta baru.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, ada satu usul daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), maka inilah diputuskan bahawa Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) maka inilah diputuskan bahawa Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan hingga jam 7.00 malam hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), maka inilah diputuskan bahawa Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bayan Baru, sila sambung.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi saya cuba ringkaskan. Bahagian 6, berhubung dengan pengeluaran caruman sepertimana tadi Yang Berhormat ada menyebutkan, saya tidak payah ulang. Apa yang saya ingin hendak sarankan di sini biarlah kita menentukan faedah yang lebih luas kepada pencarum-pencarum dengan membenarkan pencarum mengeluarkan wang mereka lebih awal daripada umur yang telah ditetapkan seperti 50 tahun, kerana ada pekerja-pekerja yang mungkin ingin bersara awal pada umur 40, mungkin yang tidak mahu lagi bekerja sebagai pemakan gaji, tidak mahu lagi menunggu sampai 50 tahun dan ingin berkecimpung dalam perniagaan, yang ingin mendapat modal untuk berniaga. Maka sebaik-

baiknya Kementerian Kewangan haruslah memberi pertimbangan supaya membenarkan wang yang tersimpan ini diturunkan umur daripada 50 tahun ke 45 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu telahpun disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tadi.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, tadi disebutkan dalam soal itu. Saya faham, saya tidak mahu cerita panjang tentang perkara itu. Jadi, saya dengan tegas hendak sebutkan di sini umur 45 tahun supaya membenarkan mereka yang ingin masuk berkecimpung dalam perniagaan dan apa jua bidang yang lain, dapat peluang dengan cara yang lebih menguntungkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang faedah-faedah ataupun kemudahan-kemudahan baru yang tidak disebutkan di dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan ini iaitu berhubung dengan faedah seperti ada yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan mengeluarkan wang untuk tujuan pelajaran, pendidikan yang tidak payah saya ulang. Kemudian membenarkan pencarum beragama Islam yang ingin menunaikan fardhu haji untuk mendapatkan atau mengeluarkan wang mereka bagi perbelanjaan menunaikan haji. Kemudian lain-lain pinjaman sepertimana yang disarankan tadi berhubung dengan tujuan membeli rumah sepertimana yang telah disarankan awal tadi dan tidak payah saya ulangi.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

6.25 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak perkara yang hendak disentuh telah disentuh, jadi saya tidak perlu ulang lagi. Saya hendak bercakap sedikit sahaja.

Ingin saya menyentuh takrifan upah yang telah disebutkan di dalam peruntukan ini iaitu di mukasurat 10. Saya tidak adalah cerita lain fasal upah ini saya bersetuju dengan pentakrifan upah yang telah disebutkan di sini.

Apa yang menjadi satu kecurigaan kepada saya ialah bagaimanakah pihak Kerajaan menguatkuasakan kehendak-kehendak peruntukan ini iaitu umpamanya kalau bayaran upah itu dibayar pada harian dan orang itu bekerja dalam masa sehari atau dua hari sahaja. Bagaimanakah pihak Kerajaan hendak menguatkuasa dan menguntukkan caruman daripada wang tertentu dan contribution, dengan izin, daripada pihak majikan dan untuk menaikkan caruman daripada pencarum kepada Kumpulanwang ini.

Saya tidaklah bersetuju untuk dinaikkan, oleh kerana di samping kita mahu menolong pekerja-pekerja dan kita membuatnya susah untuk majikannya membayar, kerana pada masa sekarang pun kita mendapat masalah tetapi kalau dinaikkan lagi kemungkinan investors daripada luar negeri pun tidak akan datang ke negeri ini lagi. Jadi, dengan itu saya tidak bersetuju apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi.

Persoalan ialah berhak menuntut mengeluarkan caruman seperti yang telah disebutkan oleh rakan saya dari Lumut dan cadangannya itu saya sokong. Sepatutnya diturunkan daripada umur 55 ke 50 tahun. Ini selaras dengan kehendak undang-undang lain berhubung dengan pencen. Lagipun pencarum inilah satu caranya untuk menyimpan wang dan

memang patut dan wajar sekali wang ini patut diberi kepadanya semasa dia muda lagi, umur 50 tahun itu masih muda untuk mengeluarkan wang itu dan mungkin boleh digunakan untuk apa sahaja.

Di sini juga telah ditetapkan peruntukan mengatakan beberapa perkara yang mana pencarum-pencarum boleh mengeluarkan wang. Di sini saya ingin menambah, jikalauh boleh, iaitu sepatutnya pencarum juga diberi kebenaran untuk mengeluarkan wang ini untuk membeli rumah. Kalau umpamanya seorang suami ataupun isteri yang mencarum tetapi bukan yang sama yang membelikan rumah, jadi sepatutnya, dengan izin, spouses, bolehlah dibolehkan juga mengeluarkan wang. Kalau umpamanya si suami yang membeli rumah tetapi si isteri yang ada menyimpan wang dengan Kumpulan-wang Simpanan ini, patutlah juga dibenar mengeluarkan wang dari simpanan isteri itu untuk menolong si suami membeli rumah, kerana konsep suami-isteri itu satu—yang satu itu setengah daripada yang lain.

Jadi, dengan itu saya cadangkanlah bahawa ini patut diluluskan oleh kerana banyak perkara ini berlaku. Di dalam pengalaman saya mungkin ada lebih 100 orang menerusi saya yang pernah berlaku yang si suami yang membeli rumah tetapi si isteri yang menyimpan wang tetapi si isteri tidak boleh mengeluarkan untuk menolong suami walaupun membayar wang pendahuluan. Kadang-kadang orang yang bekerja dengan Kerajaan ataupun kompeni gajinya kecil untuk membayar pendahuluan. Kalau di Semenanjung ini mungkin pendahuluan itu \$1,000 ataupun \$500. Kalau di Sarawak sampai \$5,000 pun ada. Jadi, susah betul untuk mencari wang \$5,000 itu. Tetapi kalauh si isteri ataupun si suami yang ada mencarum itu boleh dibenarkan untuk mengeluarkan caruman, insya Allah perkara begini tidak akan berlaku dan mungkin surat perjanjian jual-beli

untuk membeli rumah itu tidak dibatalkan dengan begitu sahaja yang mungkin mendatangkan satu lagi masalah lain iaitu tuntutan daripada penjual rumah yang mungkin menuntut wang tuntutan itu sebaliknya.

Saya juga menyokong cadangan rakan saya tadi Yang Berhormat dari Lumut mengatakan untuk pendidikan. Sebagaimana yang telah diulas panjang lebar oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru mengatakan pendidikan adalah satu investment yang besar dan berpanjangan dan yang berterusan. Jadi, investment ini patutlah dibayar oleh pihak pencarum yang berkenaan kepada anak-anak mereka ataupun mana-mana keluarga yang ingin memanjangkan pendidikan mereka di peringkat universiti ataupun atasan. Untuk pendidikan, saya menyokong pencaruman ini patutlah boleh dikeluarkan bukan terkhas kepada apa yang telah ditentukan di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini. Sebaliknya juga sebagaimana yang kita tahu yang caruman ini telah dikhas ataupun dihadkan, berapa banyakkah caruman-caruman ini boleh dikeluarkan ataupun pendapatan daripada pencaruman ini nanti kepada si pencarum semasa beliau bersara daripada bekerja ataupun boleh menuntut pencaruman mereka.

Saya mencadangkan supaya kalauh ada cadangan-cadangan Kerajaan umpamanya investment ataupun sebagai investment ASN ataupun ASB patutlah wang ini juga boleh dikeluarkan, kerana pendapatan yang akan didapati daripada investment umpamanya ASN dan ASB ini lebih besar lagi daripada apa yang boleh didapati oleh mereka dalam membiarkan wang itu disimpan di dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini.

Dengan itu juga, saya menyokong Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1991.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Klang dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.30 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Pembentangan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 adalah mewakili perkembangan yang sedang berlaku berdepan dengan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sendiri yang sudah tidak dapat ditampung oleh Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Tahun 1951. Pada pandangan saya perkembangan satu dekad yang terakhir ini tidak banyak mendorong supaya Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Tahun 1951 dimansuhkan bagi memberi laluan kepada Rang Undang-undang KWSP 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti Rang Undang-undang ini dan mengakui bahawa Rang Undang-undang ini memperkenalkan beberapa peruntukan baru sesuai dengan keadaan sosio-ekonomi negara masa kini di samping peruntukan-peruntukan lama yang dikekalkan. Sebelum saya mencadangkan beberapa pembaikan, ada baiknya saya mengulas beberapa Fasal dalam Rang Undang-undang ini yang perlu diberi perhatian berat kerana kesan pelaksanaan kekal akan membawa kepada pertikaian semula Rang Undang-undang ini pada masa depan.

Mula-mula sekali saya ingin menyentuh Fasal 4 (1) (d) (iii) iaitu Keahlian Lembaga disusun dengan membawa 5 orang wakil pekerja di samping majikan di dalam Lembaga. Untuk ini saya memang mengalu-alukan, kerana suara pekerja sendiri diwakili dalam Lembaga, tetapi biarlah suara itu benar-benar mewakili kepentingan para pekerja sendiri. Apa yang saya musykilkan ialah kedudukan dan taraf Pengurus Besar Lembaga KWSP menurut proviso di bawah Fasal (4) 4 dan peruntukan-peruntukan di bawah Fasal 10 (2) dan Fasal 13 yang membayangkan bahawa Pengurus Besar boleh menjadi Pengerusi Lembaga,

walaupun dia tidak berhak mengundi sebagai Pengurus Besar. Jika Pengurus Besar dan Pengerusi adalah orang yang sama dikhuatiri keputusan tindakannya boleh mempengaruhi keputusan Lembaga kerana dia adalah merupakan orang yang paling penting dan berpegaruh dalam Lembaga. Oleh yang demikian, adalah wajar peruntukan-peruntukan ini dikaji semula supaya Pengerusi itu mestilah seorang yang berasingan atau berlainan dengan Pengurus Besar.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 17 dan Fasal 20 pula yang masing-masing memberi kuasa kepada Lembaga KWSP untuk memberikan pinjaman dan pendahuluan kepada pegawai-pegawainya dan syarikat-syarikat yang diluluskan, sewajarnya diberi pertimbangan yang mendalam. Peruntukan-peruntukan ini mewajarkan Lembaga KWSP memberi pinjaman kepada sesiapa sahaja yang layak memohon dengan memperjudikan wang-wang caruman pekerja. Unsur-unsur kemungkinan disalah-gunakan fasal-fasal ini adalah besar dan jelas kerana KWSP sudah bertukar menjadi institusi pemberi pinjaman wang yang jika tidak berhati-hati akan meletakkan wang caruman para pekerja dalam ketidak-pastian. Malangnya, tidak ada mana-mana peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang membenarkan ahli-ahli boleh meminjam wang daripada KWSP, sedangkan pihak yang tidak berkepentingan dalam KWSP tidak diberi kemudahan ini. Tuan Yang di-Pertua, manakala Fasal 20 (2) Rang Undang-undang memperuntukkan Panel Pelaburan boleh membuat perjalanan prosidingnya sendiri. Peruntukan ini tidak jelas kerana Fasal 18 (2) sudah memperuntukkan bahawa Panel Pelaburan tertakluk kepada apa-apa arahan Lembaga serta diluluskan oleh Menteri. Apakah rasionalnya Seksyen 20 (2) ini jika Fasal 18 (2) sudah dinyatakan. Mengenai Fasal 23 (2), Ahli-ahli Panel yang melakukan kesalahan kerana tidak mendedahkan

kepentingan mereka dalam sesuatu pelaburan Lembaga KWSP akan disabitkan kesalahan dengan penjara tidak lebih 3 atau tahun atau di denda tidak lebih dari \$10,000. Walau bagaimanapun, pelanggaran peruntukan ini tidak menjadikan tindakan sesuatu prosiding Lembaga Panel Pelaburan atau Jawatankuasa menjadi tidak sah.

Peruntukan ini tidak boleh menghalang Ahli-ahli Lembaga atau Panel Pelaburan dari melakukan penyelewengan jika faedah yang diterima walaupun termasuk melanggar peruntukan itu adalah lebih baik dan menguntungkan berbanding dengan hukuman yang ditetapkan. Kepentingan dalam pelaburan itu boleh ditukar-milik atau proksi lebih awal dan Ahli-ahli Lembaga atau Panel boleh diselamatkan dari hukuman. Peruntukan ini tidak ubah seperti tirai di panggung dan disebalik tirai itu berlaku keadaan yang sebenar dan di sini saya suka menyebut skandal MAMINCO menjadi buktinya.

Tuan yang di-Pertua, Fasal 54 (5) pula mempertunukkan bahawa Ahli-ahli hendaklah mengembalikan wang yang dikeluarkan bagi maksud membeli atau membina rumah jika maksud tersebut tidak dilaksanakan adalah menjadi kesalahan jika wang itu tidak dikembalikan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pengeluarannya dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih dari \$2,000 atau dipenjarakan tidak lebih dari 6 bulan atau kedua-dua sekali sebagaimana yang diperuntukkan pada Fasal 60.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini begitu penting untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan di dalam pengeluaran wang untuk membeli atau membaiki rumah oleh ahli-ahli. Peruntukan ini akan dikuatkuasakan apabila Rang Undang-undang diluluskan dan dikuatkuasakan. Tetapi

bagaimana pula dengan kes-kes pengeluaran wang yang telah dibuat sebelum ini di sepanjang tahun-tahun 80an, kononnya hendak membeli rumah, mereka hanya memadai dengan mengisi borang permohonan dan disertakan resit-resit sebagai akaun. Pemberian telah dikemukakan dan kemudiannya warrant pengeluaran dibuat kepada ahli-ahli. Kes yang terlibat seperti ini sangatlah banyak. Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri apakah sudah terjadi dengan kes-kes penipuan ini yang pernah didedahkan di dalam akhbar-akhbar tempatan dahulu. Sejauhmanakah KWSP telah menyiasat dan mengambil tindakan ke atas ahli-ahli dan sendiket-sendiket yang terlibat. Ada Ahli-ahli yang membeli kereta Proton Saga dengan wang KWSP yang pada asalnya bertujuan untuk membeli rumah, tetapi kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam KWSP menyebabkan kes-kes itu berlaku dengan mudah dan tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Saya harap Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan tentang penyelewengan ini dan sejauh mana tindakan pendakwaan telah dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan Fasal 50 (3) yang memperuntukkan bahawa jika majikan gagal membayar caruman yang telah dipotong dari gaji atau upah pekerja, Lembaga boleh mengkreditkan amaun itu ke akaun pekerja setelah Lembaga berpuas hati bahawa potongan telah dibuat dan Lembaga boleh mendapatkan balik amaun caruman dan dividen daripada majikan-majikan yang engkar. Saya ingin bertanya bagaimana pula jika majikan-majikan telah membuat potongan tetapi caruman tidak diserahkan kepada Lembaga KWSP dan majikan-majikan terus menghilangkan diri seperti yang banyak berlaku sebelum ini dan Lembaga mendapati wang caruman tidak mungkin dapat dikutip daripada majikan. Apakah peruntukan ini dibuat dengan tidak mengambilkira keadaan yang dihadapi oleh golongan pekerja yang tidak bernasib baik ini?

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini membawa saya mengingatkan betapa banyak kes di mana caruman telah dipotong dari gaji pekerja tetapi tidak dikreditkan ke akaun pekerja kerana kegagalan majikan mengirinkan ke KWSP. Aduan-aduan yang banyak dibuat kepada Lembaga dan pemeriksa telah dihantar memeriksa ke tempat majikan tetapi tidak ada apa-apa tindakan diambil sehingga ini. Adalah wajar Lembaga mengkreditkan amount yang telah dipotong oleh majikan ke dalam akaun pekerja yang mengadu majikan mereka telah memotong caruman tetapi tidak mengirinkan ke KWSP.

Langkah KWSP memberi kuasa kepada Pengurus Besar mengeluarkan sijil kepada Ketua Polis Negara dan Ketua Pengarah Imigresen untuk melarang mana-mana orang meninggalkan Malaysia sehingga amount yang patut dibayar kepada KWSP telah dibayar oleh mereka merupakan tindakan positif KWSP untuk mengharamkan majikan-majikan dari melarikan diri daripada tanggungjawab.

Akhirnya, saya ingin mencadangkan di sini supaya Lembaga KWSP, pertama, menaikkan kadar mengeluarkan wang KWSP untuk membeli rumah dari kadar sekarang seperti berikut:

- (a) Rumah kos rendah dari 40% kepada 50% dari harga rumah. Rumah bukan kos rendah dari 20% kepada 40% bagi mengurangkan beban bayaran faedah dan ansuran yang tinggi.
- (b) KWSP patut menceburi bidang pembangunan rumah dan menjualkannya kepada penca-rum-pencarum kerana kedudukan kewangan KWSP amat teguh.
- (c) Membenarkan mengeluarkan untuk tujuan membiayai pelajaran tinggi bagi ahli-ahli atau anak-anak ahli.

- (d) Membenarkan mengeluarkan untuk menunaikan fardu haji untuk ahli-ahli beragama Islam.
- (e) Membenarkan pengeluaran untuk tujuan modal perniagaan bagi penca-rum-pencarum yang menganggur dan bercadang untuk menceburi bidang perniagaan.
- (f) Mengurangkan umur kelayakan dari 50 tahun ke 45 tahun untuk mengeluarkan 1/3 simpanan KWSP ahli.
- (g) Yang akhirnya, menaikkan kadar dividen dari 8% kepada 9% kerana KWSP berada dalam kedudukan yang terbaik untuk membuat kenaikan peratus dividen pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.44 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Di atas segala pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membina, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih.

Saya ingin merujuk kepada perkara yang pertama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut mengenai caruman yang dikeluarkan untuk membeli rumah di mana beliau merujuk tentang pengalaman pemandunya yang teraniaya oleh kerana projek perumahan di mana pemandu itu bercadang untuk membeli rumah melalui caruman yang dikeluarkan daripada KWSP terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu kemudahan yang dikeluarkan kebela-kangan ini dan dinikmati oleh penca-rum-pencarum. Pada tahun 1990 misalnya, lebih kurang 33,405 penca-rum telah mengeluarkan caruman bernilai sebanyak \$264 juta untuk membeli rumah kos rendah dan untuk rumah bukan kos rendah lebih kurang 55,000 penca-rum mendapat kemudahan sebahagian daripada carumannya bernilai sebanyak \$449 juta untuk membeli rumah bukan kos rendah.

Apabila kita merujuk tentang masalah pemandu seperti yang diketengahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut, maka kita mengalami satu pengajaran untuk kita memperbetulkan sistem yang digunakan supaya kemudahan ini tidak dibazirkan seperti yang pernah berlaku. Oleh yang demikian, mengikut peruntukan dalam Fasal 73, di mana peraturan-peraturan akan disediakan maka pihak KWSP akan menyediakan peraturan-peraturan yang dapat mengatasi masalah yang pernah berlaku seperti ini.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Lumut berkenaan kemudahan untuk tujuan membiayai pembelajaran anak-anak ahli penca-rum, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa caruman yang dibuat datangnya daripada dua pihak: satu daripada pihak pekerja dan kedua daripada pihak majikan. Tidak seperti apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, hanya daripada pekerja sahaja. Ada dua sumber, Yang Berhormat, dan di masa ini, 11% daripada majikan dan 9% daripada pekerja. Tujuannya adalah untuk kemudahan pemberian sosial apabila seseorang itu masuk pada umur untuk dia bersara, maka sewajarnya kemudahan ini pada mutakhirnya untuk dibekalkan kepada keluarga khususnya penca-rum untuk mereka bersara dan pada masa mereka tua.

Oleh yang demikian, jika sekiranya ada lagi peruntukan-peruntukan di mana caruman-caruman itu dikeluarkan

sebelum penca-rum-pencarum tiba pada umur untuk bersara, maka ini bermakna berlaku berbagai-bagai bocoran di dalam simpanan pekerja. Kita mendapati bahawa lebih kurang 85% daripada penca-rum-pencarum mempunyai caruman tidak lebih daripada \$10,000.

Jadi, jika sekiranya ada di antara mereka yang membuat rancangan mendapatkan sebahagian daripada caruman untuk membeli rumah mereka dan ada pula peruntukan untuk misalnya membiayai pembelajaran anak-anak maka akhirnya nanti apabila tiba umur 55 tahun maka mereka akan kehabisan caruman-caruman mereka. Jadi, kalau sekiranya tidak ada sumber untuk mereka bersandar pada umur yang lanjut seperti 55 tahun, mungkin mereka akan menghadapi masalah-masalah untuk menyara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jadi cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti untuk tujuan pendidikan, untuk pergi ke Mekah dan sebagainya, kita perlu melihat cadangan-cadangan itu dalam konteks apa yang saya sebutkan tadi bahawa mereka akan kehabisan caruman jika berlaku bocoran-bocoran seperti yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Lumut supaya dikeluarkan untuk dilaburkan dalam Amanah Saham, saya lebih cenderung untuk memajukan hujah bahawa pelaburan secara institutional investment melalui KWSP itu sendiri agak lebih terpelihara sama ada dari segi faedah dan juga dari segi risiko.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lular bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Cadangan mengenai investment kepada ASN tadi dari Lumut ataupun dari Batang Lular?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf
agak tersalah lidah saya, tidak sebut
Batang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Saya maafkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Saya ingin rakamkan kedua-duanya
sekali.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap biar
dia jawab bukan lama sangat. Sekejap!

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Yang Berhormat dari Lumut dan dari
Batang Lupar. Jadi, saya ingin
menegaskan di sini bahawa agak lebih
baik untuk pencazum-pencarum supaya
pelaburan itu dibuat oleh KWSP secara
institutional, dengan izin, kerana ia
lebih terpelihara dari segi risiko dan juga
dari segi pulangan yang lebih terjamin.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-
Pertua, kerana tidak ada masa saya tidak
boleh mengambil bahagian di dalam
perbahasan, tetapi saya ada beberapa
point. Salah satunya, adakah Yang
Berhormat itu bercadang untuk
mengadakan satu amanah iaitu Unit
Trust untuk KWSP sendiri sepertimana
yang terdapat di Amanah Saham
Nasional, kerana ini merupakan satu
langkah yang lebih progresif?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, KWSP adalah
amanah. Jadi apa yang dicadangkan oleh
Ahli Yang Berhormat itu amanah upon
amanah, dengan izin. So, KWSP adalah
satu institusi amanah dan pelaburan
dibuat untuk memastikan bahawa
kepentingan pencazum dan ahli-ahlinya
dari segi sumber kewangan, dari segi
rupa bentuk, pengertian tabungan dari
segi syarat-syarat yang dikenakan untuk
pelaburan dibuat adalah berasaskan
kepada amalan-amalan Tabung
Amanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin
merujuk kepada perkara yang
dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat
dari Tumpat mengenai caruman-
caruman yang masih lagi tidak dituntut.
Ingin saya maklumkan di sini bahawa
agak lebih manis lagi kalau sekiranya
Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tidak
mengggunakan perbandingan yang agak
tidak tepat seperti—tidak perlu saya
sebutkan semula.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua,
KWSP tidak bercadang langsung untuk
menyimpan hak-hak yang ada pada ahli-
ahli yang belum lagi menuntut dan juga
waris-waris kepada ahli yang sudahpun
meninggal dunia. Oleh yang demikian,
kebelakangan ini pihak KWSP telah
berusaha dengan berbagai-bagai cara
sama ada siaran melalui akhbar, sama
ada menghantar senarai ahli yang belum
menuntut tadi ke peringkat daerah,
kepada Penghulu, kepada Jabatan
Penerangan, mengeluarkan buku-buku
panduan, mengemaskinikan buku
panduan daripada tahun demi tahun,
bahkan ke belakangan ini telah merujuk,
membandingkan antara senarai mereka
yang belum menuntut caruman dengan
senarai pengundi-pengundi pilihanraya
supaya dapat mengesan alamat mereka.
Jadi daripada tindakan yang terakhir
lebih kurang 20,000 lebih di antara
mereka ini telahpun dikenalpasti dan
telahpun dihubungi. Kalau Ahli Yang
Berhormat dari Tumpat khususnya
hendak memberikan kerjasama, saya
percaya KWSP akan menyerahkan satu
senarai yang merujuk kepada Daerah
Tumpat untuk dia berusaha bersama bagi
mengenalpasti pencazum-pencarum,
sekurang-kurangnya di kawasan Tumpat
untuk mendapat caruman mereka.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-
Pertua, kita mengucapkan syabas kepada
tindakan yang telah diambil dan mudah-
mudahan lebih banyak lagi yang akan
dapat tuntutan wang itu. Bolehkah
Yang Berhormat menerangkan amaun
yang belum dituntut itu sama ada \$65
juta atau \$100 juta dan apabila wang

yang belum dituntut ini tinggal beberapa tahun, di manakah wang ini pergi, sama ada ke Perbendaharaan dan sebagainya?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, pada pengamatan saya ialah bernilai sebanyak \$65 juta dan ia terus disimpan dalam bentuk amanah di KWSP sendiri dan akan dipulangkan kepada mereka yang berhak, tidak dipulangkan kepada sesiapa, masih lagi tersimpan di KWSP.

Saya sendiripun sudah mengambil senarai untuk kawasan Ledang dan saya ada lebih kurang 126 alamat-alamat di kawasan Ledang untuk saya kenalpasti supaya mereka dapat menikmati hak mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Dan mereka itu mendapat faedahnya selagi wang itu ada tersimpan di situ.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Ada, mereka menerima dividen.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mencadangkan supaya yang berhenti kerja pada umur yang masih lagi tegap tubuh badannya, semangatnya supaya menerima caruman. Hujah yang pertama ingin saya sampaikan lagi sekali ialah maka berlakulah kebocoran kalau sekiranya mereka ini diberikan sebahagian daripada caruman mereka. Jika seseorang dalam keadaan yang sihat walafiat, dari segi tubuh badannya dan akal fikirannya, maka Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya dia berhenti kerja untuk menyambung kerja yang lebih bermakna untuk menyara hidup dan juga keluarganya. Kebelakangan ini ada di antara kita yang mengubah kerjayanya di pertengahan umur kita. Jadi kalau sekiranya cadangan Ahli Yang Berhormat itu dalam konteks apa yang saya sebut di sini adalah agak tidak menepati apa yang menjadi perkara lumrah kebelakangan ini dan tidak sewajarnya berlaku cara demikian. Kalau sekiranya seseorang tadi

hendakkan sumber kewangan untuk memulakan perniagaannya dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap mereka merujuk kepada sumber-sumber lain dan janganlah mengharapkan daripada sumber seperti begini.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apakah pendapat Yang Berhormat mengenai wanita yang bersara lebih awal kerana persaraan option itu yang mungkin lebih 60,000 orang terutamanya dari segi sektor swasta, bolehkah mereka mengeluarkan carumannya lebih awal lagi dan bukan seperti sekarang mereka terpaksa menunggu sampai umur 55 tahun sebelum mereka mengeluarkan caruman tersebut?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ada konteks di mana Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak membezakan antara wanita dengan lelaki dan kali ini dia hendak membezakannya pula.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu pendapat dia sahaja, saya tidak sebut itu pendapat saya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan pendapat saya, saya katakan caruman adalah untuk masa tua. Apa yang disebut di sini ialah kemudahan pemberian sosial semasa tua.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Machang.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Tumpat tadi ialah mengenai supaya pengeluaran wang EPF ini adalah selaras dengan Bil Pencen

yang telah diluluskan baru-baru ini, yang telah menurunkan had umur pencen kepada 40 tahun. Jadi, ertinya mereka terpaksa menunggu 15 tahun untuk mendapat EPF, tidakkah penurunan umur ini adalah selaras dengan Akta Pencen yang akan dikuatkuasakan nanti.

Yang keduanya, saya tidak sempat bercakap tadi iaitu mengenai dengan 54

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tadi sudah cukup.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, menurunkan umur untuk pencen bukan dengan tujuan untuk mendapatkan pencen masa itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, menurunkan umur pencen 40 tahun untuk mengizinkan mobility dalam pasaran buruh, untuk seseorang mengubah kerjayanya pertengahan umurnya apabila seseorang bersara pada umur 40

tahun dia masih lagi tidak layak menerima pencen selagi dia tidak sampai umur 50 atau 55 tahun. Jadi, kalau hendak disamakan antara peruntukan yang terakhir daripada pihak Kerajaan boleh pencen pada umur 40 tahun, maka disamakan apabila beliau mendapat pencen pada umur 50 tahun atau 55 tahun, begitulah juga untuk peruntukan mendapat caruman pada umur 50 atau 55 tahun, barulah sama. Jadi hendak disamakan antara yang berbeza adalah tidak tepat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.